



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMANTIMBALANYANGDI-PERTUA:**

Cuti Y.B. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh—Kebenaran [Ruangan 4777]  
Usul Penangguhan Dewan [Ruangan 4777]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 4781]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 4818]

**USUL:**

**Menarik balik Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1985**  
[Ruangan 4817]

Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Dewan Rakyat Kelima—  
Lim Kit Siang [Ruangan 4819]

MALAYSIA

## **DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

### **PENGGAL YANG KETIGA**

#### **AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIRBIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJIDAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUETTZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- .. Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO'SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' Oo GINSUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDULLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Atom Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN Au How CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- TAN SRI DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).

- Yang Berhormat DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang). ;
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).  
 DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lumar).  
 TUAN FUNG KET WING (Sandakan).  
 TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).  
 TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).  
 TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).  
 DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).  
 TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).  
 DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).  
 TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).  
 DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).  
 TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).  
 TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

Yang Berhormat TUAN LING SIE MING (Sibu).

TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K.  
(Ulu Nerus).

„ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,  
P.B. (Nilam Puri).

TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).

DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.  
(Pulai).

TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.  
(Matang).

DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN,  
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).

DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).

DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).

TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).

TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

„ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).

TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P.,  
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

TUAN MUTANG TAGAT (Bukit Mas).

„ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).

DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.U.,  
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).

TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.  
(Pengkalan Chepa).

DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.  
(Kuala Krai).

TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).

TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

„ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,  
A.D.K. (Kimanis).

TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).

TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).

TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

- Yang Berhormat DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSUKI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik  
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasar Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasar Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok),  
TUAN YEW FO WENG (Menglembu).
- DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,  
K.M.N. (Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pemberita-pemberita*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Isnin, 21hb Oktober, 1985

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Timbalan Yang Dipertua *mem-  
perkerusi Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN  
TIMBALAN YANG DI-  
PERTUA**

**CUTI Y.B. TUAN SHAMSURI BIN  
MD. SALEH—KEBENARAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut Ketetapan yang dibuat oleh Dewan pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Shamsuri bin Md. Saleh bagi Kawasan Balik Pulau dari 14hb Oktober, 1985 hingga 24hb Oktober, 1985.

**USUL PENANGGUHAN DEWAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang di dalam akhbar semenjak beberapa hari ini bahawa penangguhan Dewan pada hari Rabu, 16hb Oktober, 1985 ke hari ini, Isnin, 21hb Oktober, 1985 adalah tidak sah kerana dibuat di bawah Peraturan Mesyuarat 12 (1).

Berkenaan dengan perkara ini, saya suka hendak membawa perhatian Yang Berhormat Yang Berhormat sekalian kepada Perkara 62 Perlembagaan yang memperuntukkan bahawa setiap Dewan Parlimen adalah berhak membuat keputusan di dalam menentukan prosedur-prosedurnya sendiri. Oleh itu, pada hemat saya keputusan yang diambil oleh Dewan ini pada hari Rabu, 16hb Oktober, 1985 itu adalah datangnya dari seluruh Dewan, maka keputusan itu adalah sah dan muktamad melainkan diubah oleh Dewan ini sendiri.

Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka juga mengatakan bahawa peraturan yang betul, mengikut katanya, ialah Peraturan Mesyuarat 11. Pada fikiran saya jika hendak dipersalahkan . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order. Saya mahu tanya sahaja oleh kerana bukannya sebelum Tuan Yang di-Pertua buat satu ruling mengenai satu point of order, khasnya mengenai apa yang saya kata dalam suratkhbar bahawa saya diberi satu peluang untuk mengemukakan hujah-hujah sebelum satu point of order diputuskan, oleh kerana kalau tidak begitu, inilah apa-apa keputusan ialah berasaskan apa-apa dikeluarkan dalam suratkhbar dan itu tidak begitu sesuai dan tentulah saya akan menerima apa-apa keputusan yang muktamad. Tetapi saya rasa, sebelum satu keputusan dibuat, sekurang-kurangnya satu peluang diberi supaya pandangan-pandangan mengenai point of order boleh dikemukakan, kalau tidak, ialah

tanpa mendapat pandangan-pandangan. Itu yang pertama.

Yang kedua, bolehkah saya tanya apa tadi Tuan Yang di-Pertua ada sebut satu peraturan, apa peraturan itu? 62, saya tidak begitu. . . .tidak apa, yang pertama itu yang lebih mustahak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya rasa akan lebih jelas aliran keputusan dah hujah-hujah dan pengumuman perisytiharan saya buat ini setelah Yang Berhormat mendengarnya sehingga habis.

Jika hendak dipertikaikan atau dipersalahkan peraturan tersebut pun, iaitu Peraturan 11 juga tidak sesuai untuk keadaan berkenaan, dengan kerana nampaknya peraturan ini hanya boleh dirujuk semasa Dewan di dalam tangguhan. Tetapi jika Dewan sedang bersidang, maka pada pendapat saya kuasa menangguhkannya adalah terserah kepada Dewan sendiri yang boleh menangguhkan persidangan pada bila-bila masa pun.

Barangkali usul tangguhan yang dibuat di bawah Peraturan Mesyuarat 12 (1) itu tidak berapa tepat kerana peraturan itu terhad kepada masa. Sepatutnya usul itu dibuat dengan secara yang berbunyi seperti:

"Walau apa pun peruntukan di bawah Peraturan Mesyuarat maka Dewan ini ditangguhkan sehingga. . . ."

Tetapi ini adalah sekadar perkara cara atau rupabentuk, "a matter of form" dan bukan "substance" yang boleh menjadikan usul itu tidak sah.

Saya meminta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat sila rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 99A yang berbunyi:

"Jika semasa membuat apa-apa jua keputusan telah terjadi kegagalan di pihak Majlis atau mana-mana

Jawatankuasanya untuk mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan-peraturan Mesyuarat dalam perjalanan Mesyuarat yang membawa kepada keputusan itu, kegagalan sedemikian hendaklah dikira sebagai suatu perkara luar aturan dan tidak boleh membatalkan perjalanan mesyuarat atau keputusan berakibat daripadanya."

Oleh yang demikian keputusan yang dibuat oleh Dewan ini pada hari Rabu lepas itu adalah sah dan terikat dan janganlah siapa-siapa membuat anggapan perkara itu suatu perkara olok-olok atau farce yang boleh membabitkan siapa-siapa yang membuat tuduhan seperti itu boleh dianggap sebagai satu penghinaan terhadap Parlimen yang boleh memberi mudarat kepada siapa-siapa yang berkenaan itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana satu keputusan ada dibuat mengenai point of order tanpa memberi peluang kepada Ahli-ahli memberi hujah-hujah. ....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat yang mana, Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Peraturan Mesyuarat 43, bolehkah saya memberi notis bahawa saya akan kemukakan satu Usul untuk ulangkaji keputusan yang ada dibuat oleh Yang di-Pertua sebagai satu substantive motion dengan notis dua hari. Dan kedua, bolehkah saya ambil perhatian kepada Penyata Rasmi Parlimen di mana ada catat Usul Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang nampaknya tidak sepenuhnya dicatat oleh kerana Yang Berhormat Menteri ada sebut Peraturan Mesyuarat 12, tetapi dalam catatan ini tidak ada 12 dan bolehkah kita dapat satu peluang mendengar

tape recording mengenai sepenuh perkataan-perkataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri apabila kemukakan Usul itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat 43 yang mana Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka cuba sandarkan hujah tadi adalah tidak tepat, kerana dia hanya berkait dengan kuasa-kuasa Yang di-Pertua menjalankan Mesyuarat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mcmberi notis sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dato Setiausaha.

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed.

*(Soalan No. 1 Y.B. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed tidak hadir).*

### BOT NELAYAN ASING DI PERAIRAN MALAYSIA

**2. Dr. Leo Michael Toyad** tntina Menteri Pertanian menyatakan sejak Akta Perikanan yang telah diluluskan berapa buah kapal nelayan yang mencero bohi perairan Malaysia telah didakwa di bawah Akta ini, dan dari mana banyak kapal asing ini. Bolehkah Menteri menyatakan di kawasan mana banyak kapal nelayan ini ditangkap.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dr. Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, dari bulan Januari hingga 20hb Oktober, 1985 sebanyak 48 buah bot asing telah ditangkap. Tangkapan-tangkapan itu dibuat di bawah Akta Perikanan, 1963 dan Akta Zon Ekonomik Eksklusif, 1984.

Tangkapan-tangkapan itu telah dilakukan di perairan-perairan seperti berikut:

Sabah .. .. .	3
Sarawak .. .. .	1
Terengganu .. .. .	22
Johor .. .. .	1
Perak .. .. .	14
Kedah/Perlis . . . . .	4
Selangor .. .. .	3

Daripada angka-angka ini didapati bahawa di negeri Terengganu dan Perak yang terbanyak sekali tangkapan yang dilakukan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memandangkan kepada kejadian-kejadian penerobohan di perairan Malaysia yang sentiasa dilakukan oleh bot-bot asing ini, adakah ini bermakna bahawa Jabatan Perikanan tidak dapat mencegah kejadian ini dengan cara yang berkesan dan saya suka mendapat tahu apakah kemampuan Jabatan Perikanan untuk mengatasi masalah ini?

Yang kedua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kejadian yang berlaku ini adalah berkaitan dengan kelemahan dalam perjanjian usaha sama ataupun joint venture pact di antara negeri Thai dengan Malaysia dan sama ada Kementerian yang berkenaan bercadang untuk mengkaji semula perjanjian usaha sama itu?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perairan Zon Ekonomik Eksklusif yang dikawal oleh Kerajaan Malaysia seluas 160,000 batu persegi. Jadi, untuk mengawal kawasan yang begitu besar dan luas, Jabatan Perikanan sendiri memang tidak berkemampuan tetapi Kerajaan telah membuat keputusan bahawa

dalam pengawasan ZEE ini Jabatan Perikanan dibantu oleh Polis Laut, Tentera Laut Diraja dan Tentera Udara Diraja.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa soal yang paling mustahak ialah kos operasi. Oleh kerana laut begitu besar, kalau hendak kawal dengan 100% perbelanjaan memanglah tinggi.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, sebenarnya belum ada satu perjanjian antara Malaysia dan Thailand tentang joint venture. Ini masih dalam perundingan.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Soalan tambahan. Dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi jelaslah menunjukkan bahawa negeri Terengganu dan Perak merupakan dua buah negeri yang kerap sekali didatangi oleh nelayan-nelayan daripada Thai secara haram. Kalau begitu keadaannya, tidakkah pihak Kementerian bercadang untuk membuat operasi secara bertumpu iaitu menumpukan operasi-operasi di perairan Terengganu dan perairan Perak dan kalau ini ada dalam rancangan pihak Kementerian, bolehkah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan kepada Dewan ini apakah langkah-langkah gerakan tumpuan yang akan dilakukan di masa depan?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritime yang berpangkalan di Tentera Laut Diraja Malaysia, Lumut telah memberi perhatian khas kepada kawasan-kawasan yang mana seringkali berlaku pencerobohan seperti kawasan Terengganu dan Perak. Dan operasi tentulah dirancang mengikut keperluan dari masa ke semasa.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat

Timbalan Menteri tadi ada menyatakan sehingga ini sebanyak 48 bot asing yang mencero boh perairan ini telah pun ditangkap. Jadi, saya ingin tahu daripada jumlah tersebut berapa bilangan yang ditangkap oleh Jabatan Polis Laut (Marine) dan berapa bilangan pula yang ditangkap oleh Unit Penguatkuasa Jabatan Perikanan.

Yang kedua, saya ingin tahu apakah tindakan daripada Jabatan Perikanan untuk menghapuskan pencerobohan nelayan Thailand terutamanya, yang berleluasa di akhir-akhir ini mencero boh perairan Malaysia kerana mereka menyebarkan dakyah yang menyatakan perjanjian usahasama di antara Malaysia/Thailand untuk menangkap ikan air dalam telah pun ditandatangani. Dakyah ini telah begitu berleluasa disebar di Laut China Selatan. Maka dengan sebab itu mereka beramai-ramai datang perairan tersebut dan mencero boh kawasan perairan kita. Apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Dan yang ketiganya saya ingin tahu oleh kerana perairan China Selatan ini sering diceroboh dari masa ke semasa dan pencerobohannya pula akhir-akhir ini kian bertambah, adakah pengkalan operasi Jabatan Tentera Laut yang sekarang ini berpusat di Lumut akan ditambah ke salah sebuah kawasan, terutamanya di kawasan-kawasan pulau di Laut China Selatan untuk mengatasi masalah pencerobohan nelayan asing ini.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan pertama saya perlukan notis kerana saya tidak ada statistik yang diminta oleh Yang Berhormat itu.

Soalan yang kedua, seperti yang saya jelaskan, sebenarnya tidak ada perjanjian antara Malaysia/Thailand setakat ini dan apa yang dikatakan

oleh nelayan-nelayan yang menceroboh Lautan China Selatan adalah satu yang tidak benar.

Yang ketiga, cadangan Yang Berhormat bahawa satu pengkalan ditubuhkan di Laut China Selatan merupakan satu cadangan yang baik dan saya akan merujuk kepada Pusat Penyelarasan untuk pertimbangan mereka.

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong:** (*Mengangkat Surat-khabar*) Keluaran hari ini *The New Straits Times*, Tuan Yang di-Pertua, ada menyatakan. ....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak dibenarkan mendapatkan pengesahan sama ada apa yang disiarkan dalam akhbar adakah benar atau tidak.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua. ....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang mana? Yang Kualakah atau yang Ulukah yang hendak bertanya bab perikanan ini?

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Ulu, Ulu Nerus kerana kawasannya Kuala.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu dalam soal pencerobohan nelayan-nelayan asing terutamanya daripada Thailand ini, tidakkah kita ada satu kerjasama atau peraturan kerjasama di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thailand supaya masalah ini dapat diatasi bersama-sama oleh kedua-dua pihak Kerajaan. Kerana saya ada mendapat tahu juga ada dikatakan sikap Kerajaan Thailand itu sebenarnya bukan menegah atau tidak menggalakkan nelayan-nelayan

daripada Thailand untuk menangkap ikan di perairan asing, terutamanya di kawasan EEZ. Tetapi sebenarnya ada dikatakan oleh kerana masalah sumber perikanan di Teluk Siam itu telah kehabisan maka Kerajaan Thailand tidak begitu mengambil berat ataupun menaruh minat yang besar sangat untuk mencegah nelayan-nelayannya pergi menangkap ikan di perairan negara-negara asing. Terima kasih.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thai sedang merundingkan masalah bersama ini dan sehingga sekarang kerjasama daripada Kerajaan Thailand sangat-sangat dialu-alukan.

#### KAJIAN PENDAPAT AWAM MENGENAIPILIHANRAYA

**3. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan kajian pendapat awam (public opinion polls) yang dijalankan oleh Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi, nyatakan subjek-subjeknya, dan sama ada salah satu daripadanya adalah berhubung dengan perolehan pandangan rakyat mengenai pilihanraya umum dan jika ya, beri butir-butir lanjut.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Lee Kim Sai):** Tuan Yang di-Pertua, Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi Jabatan Perdana Menteri tidak pernah membuat tinjauan atau meminta mana-mana pihak lain bagi menjalankan tinjauan pendapat awam dalam bentuk public opinion polis. Juga tidak ada apa-apa kajian yang telah atau sedang dijalankan oleh Unit berkenaan untuk mendapatkan pandangan rakyat mengenai pilihanraya umum.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama belum dijawab iaitu meminta menyatakan bilangan kajian pendapat awam (public opinion polls) yang dijalankan oleh Unit Penyelidikan Sosio-ekonomi. Bahagian yang kedua ada, tiada jawapan di bahagian pertama dan apa tajuk-tajuk mereka?

**Dato' Lee Kim Sai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama pun sudah dijawab, kerana public polls itu lain daripada fungsi daripada Unit Penyelidikan Sosio-ekonomi. Kalau public opinion polls yang dirujuk itu satu kaedah khusus bagi meninjau pendapat awam dengan mengambil sample penduduk untuk mendapat tahu aliran pendapat awam iaitu lain daripada kajian yang sentiasa dijalankan oleh Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi yang khususnya menekankan dalam implikasi daripada pelaksanaan dasar-dasar atau rancangan Kerajaan. Jadi, public opinion polls yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu tidak pernah dijalankan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri kelam kabut mungkin oleh kerana ada rebut kuasa dalam MCA. Public opinion polls ialah yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri apa-apa cara untuk mendapat pandangan orang ramai. Apa-apa cara untuk mendapat pandangan orang ramai ialah public opinion polls at random atau apa-apa jenis cara survey. Jadi soalan saya ialah ada beberapa projek untuk mendapat pandangan orang ramai yang pada umumnya boleh dikatakan public opinion polls atau public opinion survey yang dijalankan oleh SERU.

**Dato' Lee Kim Sai:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan public opinion polls yang dirujukkan itu; itu tafsiran Ahli Yang Berhormat itu

sendiri. Tetapi public opinion polls pada hemat Kerajaan iaitu satu kajian dengan kaedah khusus meninjau pendapat awam tentang aliran-aliran pendapat umum. Tetapi kalau maksud Yang Berhormat kerja Unit Penyelidikan di mana telah menjalankan banyak penyelidikan merupakan survey research iaitu mengkaji impact sesuatu rancangan Kerajaan, bolehlah saya merujuk kepada projek-projek yang telah dijalankan oleh unit-unit berkenaan.

Jadi kajian yang telah dijalankan mengikut rekod Unit ialah laporan-laporan yang telah disediakan atau disiapkan semenjak tahun 1982. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyebutkan satu persatu kerana jumlah projek yang telah dijalankan itu sebanyak 44 . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terlalu banyak Yang Berhormat.

**Dato' Lee Kim Sai:** Tuan Yang di-Pertua, kajian yang sedang dijalankan oleh SERU (Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi) ada 26 jumlahnya dicampur 44 jadi 70.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat perlu notis untuk menghuraikan pelbagai projek itu?

**Dato' Lee Kim Sai:** Rasa saya elok.

**Tuan Lim Kit Siang:** Please! Tuan Yang di-Pertua, bolehkah beliau dapat memberikan jawapan yang bertulis?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Akan diberi bila Yang Berhormat minta notis.

**Dato' Lee Kim Sai:** Terima kasih.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan kajian yang begitu banyak itu, adakah ini dijalankan oleh pegawai-pegawai SERU sendiri ataupun mengupah orang-orang yang lain dan bolehkah

kandungan yang ada di dalam kajian-kajian itu diumumkan untuk orang ramai?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, kajian itu sama ada dijalankan oleh pegawai sendiri ataupun mengambil penyelidikan orang luar, terpulung kepada subject ataupun perkara kajian itu dan perkara-perkara yang berkenaan dengan research itu kebanyakan menjadi bahan laporan ataupun menjadi latar belakang untuk perancangan Kerajaan sahaja.

#### **KEMASUKAN FILEM MALAYSIA KEINDONESIA—KEJAYAAN FINAS**

**4. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebagaimanaakah kejayaan FINAS dalam menyelesaikan masalah kemasukan filem kita ke negara ASEAN yang lain; terutama ke Indonesia, berbanding dengan kemasukan filem-filem mereka ke negara kita. Oleh itu adakah Kerajaan bercadang mengadakan perhubungan antara Kerajaan dengan Kerajaan; yang akan sama-sama menikmati faedah dari perindustrian filem negara, yang dilahirkan dari semangat ASEAN yang dilauung-laungkan selama ini.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk memasarkan filem-filem Malaysia ke negara Indonesia telah bermula sejak tahun 1982 lagi. Walau bagaimanapun terdapat beberapa masalah waktu itu seperti cukai import, kuota import dan lain-lain lagi yang telah menjejaskan kelancaran usaha-usaha tersebut.

Malaysia telah pun menghantar 3 buah filem ke Indonesia di bawah skim pertukaran filem ini dan perjanjian

pengedaran telah pun di tandatangani pada 21hb September, 1985. Tayangan filem-filem tersebut dijadualkan dalam bulan Oktober ini. Bagi tahun 1986, kita berharap akan dapat memasarkan lebih banyak filem Malaysia ke Indonesia.

FINAS sebagai agensi penyelarar kepada pengusaha-pengusaha filem tempatan juga menggalakkan kerjasama dengan negara-negara ASEAN lain melalui acara-acara seperti Pesta Filem ASEAN, Pesta Filem Asia-Pasifik dan memberikan bantuan kepada pengusaha filem tempatan di bawah Skim Bantuan Insentif FINAS.

Sememangnya telah diadakan hubungan antara Kerajaan dengan Kerajaan dalam perkara ini terutamanya dalam bidang kerjasama ASEAN. Dalam usahanya untuk memesatkan lagi industri filem tanahair, FINAS akan menggiatkan lagi usahanya dengan kerjasama lain-lain Jabatan Kerajaan yang ada kaitannya dengan industri filem khususnya Kementerian Penerangan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Dengan 3 buah filem yang kita hantar ke Indonesia itu kalau kita bandingkan dengan filem Indonesia yang masuk ke negeri kita ini begitu membanjiri di dalam tayangan-tayangan yang ada dalam negara kita. Jadi apakah cadangan pihak Kementerian ini supaya lebih banyak lagi filem ini kita hantar ke negara mereka kerana kita dapati filem kita ini setengahnya adalah mutunya lebih tinggi daripada filem-filem mereka?

Yang kedua, adakah filem-filem Indonesia ini masuk ke negara kita ini tidak melalui saluran yang tertentu, melalui secara menyeludupan kerana

ada di antara filem itu yang sekarang ini masuk melalui filem-filem video yang ditayangkan dengan begitu luas di negara kita iaitu filem-filem yang dihasilkan oleh negara Indonesia.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:**

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan baru-baru ini telah pun membuat keputusan supaya Menteri Penerangan kita akan mengadakan rundingan dengan pihak Kerajaan Indonesia supaya dapat mengatur satu langkah supaya lebih banyak lagi filem keluaran negara kita dibawa masuk ke Indonesia untuk tayangan di sana.

Untuk menjawab soalan kedua belum lagi dapat dikesan sama ada banyak di antara filem-filem buatan Indonesia yang ditayang di sini diseludup ke negara kita.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Mulia Menteri tadi ada mengatakan bahawa kita telah memulakan kemasukan filem kita ke Indonesia pada tahun 1982 dan hendak dilaksanakan bulan Oktober, 1985, ini bermakna satu filem pun belum lagi ditayangkan di Indonesia.

Saya ingin tahu bilakah kita benarkan menayangkan filem-filem Indonesia di Malaysia dan berapakah jumlah filem Indonesia yang kita telah benarkan untuk ditayangkan di negara kita ini?

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:**

Tuan Yang di-Pertua, persetujuan sebenarnya dicapai dalam tahun 1982 untuk mengadakan kerjasama penukaran filem ini, tetapi hasil daripada kerjasama itu belum dapat diperlihatkan ataupun dapat dikesan sehinggalah dalam tahun ini. Kelambatan kita menghantar ataupun mendapat kemasukan filem-filem kita ke Indonesia adalah oleh kerana masalah-masalah seperti yang saya terangkan awal tadi iaitu seperti kuota

import, cukai import dan lain-lain masalah menyebabkan filem keluaran kita tidak dapat dibawa masuk ke Indonesia. Walau bagaimanapun sekarang sudah pun ada tanda-tanda bahawa kelonggaran telah pun diberi oleh pihak Indonesia supaya lebih banyak filem-filem kita ini dibawa masuk ke Indonesia. Dan sebagaimana saya sebut tadi Kerajaan telah memutuskan supaya dapat kita mengadakan perundingan di peringkat Menteri semoga larislah penukaran filem di antara keluaran dari Indonesia dengan keluaran dari negara kita, berapa banyakkah filem yang telah pun dapat diedarkan di negara kita, saya perlu notis kerana tidak sempat hendak kira berapa banyak filem dibawa masuk.

**Tuan Hassan Alban bin Haji**

**Sandukong:** Soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan berkenaan dengan insentif yang diberikan untuk menggalakkan industri filem, apakah insentif-insentif berkenaan?

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:**

Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai bentuk insentif telah diberi kepada pengusaha-pengusaha filem tempatan sejak FINAS ditubuhkan pada awal tahun 1980an dahulu. Satu dahpudanya ialah menyediakan kemudahan-kemudahan untuk membolehkan pengusaha membuat filem. Kita juga telah menyediakan alat kamera dan lain-lain bagi memudahkan pengusaha mengadakan penggambaran dengan alat-alat yang boleh disewa dengan harga yang rendah. Pendek kata banyakkah kemudahan-kemudahan yang ditawarkan menerusi FINAS dan saya rasa dengan adanya penyusunan semula di FINAS banyak lagi kemudahan-kemudahan lain dan bantuan-bantuan yang perlu diberi akan ditingkatkan dengan tujuan supaya dapat kita meningkatkan lagi mutu pengeluaran filem buatan negara kita.

## DASAR APARTHEID DI AFRIKA SELATAN—TINDAKAN MALAYSIA

**5. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apakah bentuk tindakan "follow-up" yang akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan semasa mesyuarat di antara pemimpin-pemimpin Negara Komanwel terhadap dasar apartheid di Afrika Selatan. Apakah konsep beliau mengenai apartheid.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, dasar apartheid regim minoriti kulit putih di Afrika Selatan adalah berasaskan kepada satu konsep yang memuliakan satu-satu kaum mengikut warna kulit. Konsep ini mendakwa bahawa masyarakat Kulit Putih adalah lebih mulia daripada masyarakat yang bukan berkulit putih. Kepercayaan ini telah pun dijadikan sebagai satu falsafah politik masyarakat kulit putih semenjak tahun 1908 lagi. Berdasarkan kepada falsafah ini, regim minoriti di Afrika Selatan telah memecah belahkan rakyat Afrika Selatan mengikut asal keturunan dan warna kulit mereka yang telah menyebabkan masyarakat bukan berkulit putih dianggap sebagai hamba abdi di negara mereka sendiri. Hingga sekarang masyarakat berkulit hitam masih belum lagi diberikan hak kebebasan individu dan berpolitik.

Di samping itu, rakyat kulit hitam yang tidak berguna kepada orang-orang kulit putih, sama ada di bandar ataupun di ladang-ladangnya hanya dibenarkan tinggal di kawasan khas yang tidak subur sebagai tempat tinggal mereka, yang dipanggil Bantustan atau Homeland. Rakyat kulit hitam ini ditempatkan mengikut suku kaum masing-masing.

Malaysia telah pun menentang dengan sekeras-kerasnya dasar apartheid ini selaras dengan dasar kita

menentang penjajahan di mana amalan ini adalah bertentangan dengan nilai-nilai kemanusiaan. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Malaysia telah memainkan peranan penting dalam usaha untuk memecat Afrika Selatan dari Pertubuhan Komanwel dalam tahun 1961 yang lalu dan kemudiannya Malaysia telah dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Khas Politik Menentang Apartheid Bangsa-bangsa Bersatu bagi mengawasi perkembangan politik di Afrika Selatan. Semenjak dari itu, kita telah melaksanakan dasar dan peranan di Bangsa-bangsa Bersatu dengan rapi dan akan terus memperjuangkan dasar anti-apartheid kita ini sehingga amalan dasar tersebut di Afrika Selatan dapat dihapuskan.

Sehingga ini, walaupun langkah-langkah tertentu telah diambil oleh Bangsa-bangsa Bersatu, Pertubuhan Negara-negara Berkecuali dan Komanwel, namun ianya tidak dapat mencapai matlamat sepenuhnya oleh kerana negara-negara barat yang mempunyai hubungan ekonomi dan politik yang rapat dengan Afrika Selatan tidak mematuhi keputusan dan usul badan-badan tersebut.

Kita percaya bahawa sekatan-sekatan ekonomi seperti yang diumumkan oleh Amerika Syarikat dan negara-negara EEC baru-baru ini adalah tidak memadai bagi mengubah dasar Kerajaan Minoriti Afrika Selatan tetapi ianya adalah merupakan sebagai asas yang penting ke atas perjuangan kita bagi menghapuskan dasar apartheid di Afrika Selatan.

Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di Nassau, Bahamas yang sedang bersidang memberikan peluang kepada Malaysia untuk menekankan dasar kita terhadap apartheid. Ini adalah kerana di antara negara-negara barat yang tidak bersetuju dengan langkah bagi mengenakan sekatan ekonomi ke atas

Afrika Selatan juga adalah menganggotai Pertubuhan Komanwel ini. Persidangan ini masih sedang berjalan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah apa yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di persidangan tersebut dapat mengadakan kesan yang lebih positif ke atas Ketua-ketua Negara Komanwel ini dan selepas persidangan ini apakah tindakan yang selanjutnya yang menyusul kepadanya?

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua sedia maklum bahawa ucapan Perdana Menteri kita di persidangan Komanwel baru-baru ini telah pun mendapat sambutan yang hangat kerana telah pun sedikit sebanyak memberi kejutan kepada persidangan tersebut di mana isu tersebut telah pun dibincangkan dengan penuh serius. Apakah keputusannya yang muktamad akan dicapai oleh persidangan itu saya rasa akan diputuskan pada hari ini. Kita samalah lihat apakah tindakan susulan yang akan diambil selepas kita mengetahui keputusan yang muktamad.

**Tuan Alias bin Md. Alis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang kita maklum dasar apartheid rejim Pretoria ini dijalankan oleh kerana mendapat sokongan daripada negara-negara barat terutama Amerika Syarikat yang mempunyai investment, dengan izin, yang amat banyak di Afrika Selatan.

Sejak akhir-akhir ini ada tanda-tanda kelihatan bahawa Presiden Reagan telah mengenakan tekanan-tekanan yang lebih kuat untuk Afrika Selatan mengubah dasarnya. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada daripada

perkembangan-perkembangan akhir ini kita boleh membuat kesimpulan bahawa Washington telah benar-benar jujur dan bersungguh-sungguh untuk mengubah keadaan yang ada di Afrika Selatan itu? Dan kiranya ini boleh disifatkan sebagai satu langkah positif apakah langkah-langkah selanjutnya yang boleh kita ambil sebagai sebuah negara ketiga untuk menggalakkan pihak Amerika Syarikat sebagai pelindung kepada Kerajaan Afrika Selatan untuk meneruskan usaha yang lebih besar supaya dasar apartheid ini dihapuskan?

Soalan yang kedua ialah apakah setakat ini sumbangan yang telah dibuat oleh Kerajaan kita kepada gotongan nasionalis Afrika Selatan yang telah berjuang sekian lama untuk mendapatkan pemerintahan sendiri bagi masyarakat kulit hitam di Afrika Selatan iaitu bantuan dalam bentuk material, mata benda selain daripada bantuan berupa sokongan politik dan sokongan moral yang kita telah berikan sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu dan kita masih lagi menjadi satu daripada juara-juara yang kuat untuk menentang dasar Afrika Selatan?

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, memang sedikit sebanyak kita telah pun mendengar suara-suara Amerika Syarikat yang menunjukkan tanda-tanda positif mengenai isu ini tetapi malangnya pada masa yang lalu juga kita telah pun mendengar mengenai kenyataan-kenyataan yang positif dalam isu tersebut tetapi apabila sampai kepada peringkat pelaksanaan apa yang dibuat adalah berlainan daripada apa yang dikatakan. Oleh sebab itu, saya rasa kita terpaksa menunggu dahulu sehingga perkara yang telah pun dikatakan oleh Kerajaan Amerika Syarikat itu dilaksanakan. Kita berharaplah

mereka akan kotakan apa yang dikata dengan seikhlas-ikhlasnya.

Mengenai bantuan kita yang terus kepada pasukan pejuang itu saya minta maaf, saya tidak dapat memberi dengan detail tetapi kita telah pun memberi sedikit sebanyak sumbangan kepada beberapa tabung yang telah pun ditubuhkan di United Nations itu sendiri. Namun demikian, saya rasa kita telah pun membuat pengorbanan yang besar dari segi mematuhi 100% segala resolusi-resolusi yang telah pun diputuskan dari semasa ke semasa oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, di forum-forum yang lain juga seperti di Komanwel, Non-aligned Summit dan sebagainya misalnya sehingga sekarang rakyat Malaysia tidak dibenarkan melawat Afrika Selatan malah di pasportnya juga kita telah pun mengenakan satu stem bahawa pasport itu tidak diiktiraf untuk melawat Afrika Selatan. Rakyat Afrika Selatan juga tidak dibenar langsung sama sekali untuk melawat negara ini dan ini sedikit sebanyak telah pun merugikan kita dari segi pelancongan dan sebagainya, di mana kita terdapat banyak negara-negara jiran boleh mendapat peluang dari pelancongan dan sebagainya.

Begitu juga eksport Malaysia ke Afrika Selatan juga adalah diharamkan sama sekali dan ini saya rasa adalah pengorbanan yang cukup besar bagi Malaysia.

#### **KADET POLIS/TENTERA DI SEKOLAH MENENGAH**

**6. Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa buahkah Sekolah Menengah yang telah menubuhkan Kadet Polis atau Kadet Tentera. Adakah Kementerian berhasrat menggalakkan penubuhan pasukan-pasukan ini, di Sekolah-sekolah menengah.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sebanyak 113 buah sekolah menengah telah menubuhkan pasukan Kadet Polis dan 202 buah sekolah menengah yang lain telah menubuhkan pasukan Kadet Tentera.

Kementerian Pelajaran memang sentiasa menggalakkan sekolah-sekolah menengah di seluruh negara menubuhkan pasukan Kadet Polis dan Kadet Tentera kerana kedua-dua pasukan ini merupakan kegiatan ko-kurikulum di sekolah-sekolah. Ini sesuai dengan penekanan dan pendekatan baru Kementerian Pelajaran bagi memperseimbangkan pendidikan di sekolah menerusi kurikulum dan kegiatan ko-kurikulum.

#### **KERUGIAN BMF—TINDAKAN BANK BUMIPUTRA**

**7. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan beberapa kejayaan yang dibuat oleh pihak pengurusan baru Bank Bumiputra dan usaha-usahanya yang dibuat setakat ini untuk mendapatkan balik kerugian-kerugian oleh Bumiputera Malaysia Finance (BMF).

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, pihak pengurusan baru Bank Bumiputra Malaysia Berhad telah pun melaksanakan beberapa langkah yang penting bagi memperbaiki dan mengekalkan imej Bank Bumiputera kepada keadaan yang sebelumnya.

Antara langkah-langkah itu ialah memperkenalkan polisi-polisi pinjaman baru dan mengemaskinikan lagi sistem pentadbiran dan pengurusannya, menambah program-program latihan serta mengetatkan disiplin kakitangan dan pegawainya.

Bank Bumiputra juga telah mengadakan beberapa sistem pengawalan dalam pemberian pinjaman terutama pinjaman "off-shore" oleh Cawangan-cawangan dan anak-anak syarikat supaya ia dijalankan mengikut landasan yang ditetapkan. Beberapa langkah lain juga sedang dan akan diambil untuk memperbaiki lagi prestasi bank kini.

Berhubung dengan pinjaman BMF Hong Kong beberapa usaha telah diambil oleh pihak Bank Bumiputra untuk mendapatkan balik kerugian-kerugian yang berdasarkan faktor-faktor yang didapati daripada laporan siasatan Jawatankuasa Penyiasat Tan Sri Ahmad Noordin. Bank Bumiputra telah membuat beberapa aduan kepada pihak berkuasa di Hong Kong dan Malaysia. Pada masa ini pihak berkuasa berkenaan tersebut masih lagi meneliti sama ada kes tersebut boleh dibawa ke mahkamah ataupun tidak. Di samping itu Bank Bumiputra juga telah mengambil beberapa tindakan sivil ke atas orang-orang yang terlibat di dalam skandal pinjaman BMF itu bagi mendapatkan kembali kerugian yang dialami.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, beliau ada mengatakan Bank Bumiputra telah melancarkan kes-kes sivil terhadap mereka yang berkait dengan isu ataupun skandal BMF ini. Saya hendaklah bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Kerajaan bercadang untuk mendapat kerjasama negara asing yang telah digunakan oleh bekas pegawai yang menyembunyikan diri mereka di negara itu untuk menangkap balik mereka untuk dihadapkan mahkamah di Malaysia? Ini adalah berkait dengan kesulitan Bank Bumiputra untuk mendapat mereka balik untuk menghadapi proses perundangan di negara kita.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, kita akan cuba mendapatkan kerjasama mana negara asalkan kes ini dapat kita selesaikan mengikut undang-undang yang ada di negara kita.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi di bawah penguasaan baharu Bank Bumiputra ini telah menjalankan usaha-usaha untuk mengemas dan memperbaiki pentadbiran. Soalan saya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dalam melaksana mengemaskan pentadbiran Bank Bumiputra terdapat ketidakadilan kepada pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga bumiputera di dalam negeri ini oleh sebab kejadian itu berlaku di Hongkong yang menjadi mangsa ialah pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga bumiputera. Apakah langkah Kementerian Kewangan supaya ketidakadilan ini jangan ditekankan kepada rakyat dan warganegara bumiputera yang menjalankan usaha-usaha untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, kes BMF ini mungkin sebagai satu alasan untuk memperkemaskan perjalanan Bank Bumiputra. Memang mana-mana bank pun akan memperkemaskan perjalanannya tetapi itu terpolang kepada keadaan. Walau bagaimanapun, saya percaya di dalam usaha bank ini memperkemaskan perjalanannya bukanlah ia bertujuan untuk menjadikan mana-mana pihak mangsa ataupun menyusahkan mana-mana pihak. Soalannya yang berhutang sama ada dengan bank ataupun dengan mana-mana pihak harus bayar. Kalau seseorang hendak membuat pinjaman beliau harus menepati syarat-syarat supaya pihak yang memberi pinjaman itu berpuas hati yang wangnya yang akan

dipinjamkan itu nanti akan dibayar balik. Saya tidaklah mengatakan di sini tidak langsung terdapat pihak-pihak yang terkena oleh sebab cara ataupun oleh sebab adanya usaha mengetatkan dasar-dasar ataupun cara-cara yang dibuat untuk memberi pinjaman. Barangkali bukan dikedatikan untuk menjadikan sesiapa mangsa, lebih tepat barangkali, sebelum ini undang-undang ataupun cara memberi pinjaman itu terlalu longgar, apabila dikedatikan mengikut kadar sebenarnya maka terasalah ketat dasar itu dibandingkan dengan dahulu ataupun sebelumnya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan pengemaskinian yang telah disebutkan tadi berapa jumlah wang dapat diambil balik daripada hutang-hutang lapuk Bank Bumiputra dan berapa jumlah lagi yang tidak dapat diambil balik.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angkanya, maka dengan itu saya mohon notis.

#### KAKITANGAN KERAJAAN KATEGORI "A" BERPOLITIK

**8. Tuan Wan Ibrahim Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengarahkan semua kakitangan Kerajaan dalam kategori "A" yang sedang memegang jawatan dalam berbagai parti politik di semua peringkat supaya meletakkan jawatan politik mereka. Kalau ya, bila arahan itu akan dibuat dan kalau tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed);** Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai awam dalam kumpulan "A" yang terlibat dalam politik telah dinasihatkan meletakkan jawatan

yang mereka pegang dalam parti-parti politik. Jika nasihat itu tidak dipatuhi mereka akan dikenakan tindakan tatatertib.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, apakah sebab hanya kakitangan Kerajaan dalam kategori "A" sahaja dikenakan sekatan sedemikian dan bukan kategori-kategori yang lain.

**Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed:** Mereka ini adalah menjalankan tugas-tugas untuk membantu dalam pihak Kerajaan membuat dasar, jadi mereka tentulah akan melibatkan diri dalam dasar Kerajaan.

#### EXPORT CREDIT RE-KINANCING SCHEME

**9. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Bank Negara telah menghabiskan pemeriksaan semulanya (review) untuk "liberalise" skim "Export Credit Re-Financing" dan jika ya, bagaimanakah pemeriksaan semula ini dapat menolong dalam perkembangan eksport dan juga sama ada pemeriksaan semula ini akan membentuk langkah-langkah untuk mengatasi "protectionism" oleh sahabat perdagangan yang lebih besar dan tradisional kita.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, skim pembiayaan semula credit eksport (Export Credit Re-Financing Scheme) sedang dikaji oleh suatu kumpulan petugas yang terdiri daripada Bank Negara Malaysia dan juga pegawai-pegawai dari bank-bank perdagangan. Bank Dunia juga dijemput untuk menyoing kita dalam menggubal satu skim yang lebih berkesan lagi. Setakat ini tidaklah dapat saya menyebutkan bagaimana

skim ini akan dapat memperbaiki lagi perkembangan eksport kerana kajian ini masih lagi dijalankan.

### HUTANG NEGARA

**10. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah amaun hutang negara yang wujud setakat 30-9-1985, dan sama ada amaun tersebut telah melebihi had hutang negara, nyatakan amaun tersebut.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, kedudukan jumlah baki hutang Kerajaan Persekutuan seperti pada 30hb September tahun ini adalah berjumlah sebanyak \$60,627.5 juta iaitu terdiri daripada jumlah hutang luar negeri sebanyak \$21,136 juta dan hutang dalam negeri sebanyak \$39,491.5 juta. Setakat ini jumlah tersebut masih lagi berada dalam hak hutang Kerajaan Persekutuan yang dibenarkan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baharu-baharu ini Gabenor Bank Negara telah menyatakan bahawa jumlah hutang luar negeri lebih daripada \$40 billion. Bagaimana di sini hanya \$21 billion?

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, itu terpulanglah kepada Ahli Yang Berhormat. Saya mengatakan jumlah wang hutang luar negeri \$21,136 juta. Kalau hendak percaya kepada saya, percayalah, kalau percaya kepada orang lain tanyalah mereka (*Ketawa*).

### BIASISWA PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DILUAR NEGERI— KAJIAN

**11. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji jumlah pemberian biasiswa

kepada pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri yang sudah tidak seimbang lagi dengan belanja hidup yang tinggi terutama di UK, USA dan Canada; dan apakah persediaan yang dilakukan oleh Kerajaan dalam menjamin keselamatan pelajar-pelajar Malaysia di England yang sedang menghadapi rusuhan anti pendatang-pendatang dari luar.

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sekarang ini dalam proses mengkaji semula kadar Biasiswa Persekutuan di semua negara di mana terdapat pelajar-pelajar Malaysia dan juga di negara-negara lain yang mungkin akan dihantar pelajar-pelajar tajaan Kerajaan. Bagaimanapun memandangkan negara sekarang ini menghadapi kemelesetan ekonomi dan kemampuan Kerajaan untuk belanja adalah terhad, hanya negara-negara yang mengalami kadar inflasi yang tinggi dan yang telah lama tidak diadakan pengkajian semula akan diberi keutamaan.

Berkenaan dengan keselamatan pelajar-pelajar Malaysia di England, suka saya menyatakan di sini Kerajaan menerusi Suruhanjaya Tinggi Malaysia dan Jabatan Penuntut Malaysia di London sentiasa mengawasi perkara ini.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ramai pelajar-pelajar yang merungut mengenai ketidak cukupan biasiswa yang diberikan oleh Kerajaan kepada mereka tetapi mengikut laporan-laporan yang saya tahu terdapat ramai pula pelajar-pelajar yang telah mengeluarkan wang biasiswa mereka untuk tujuan lain. Apakah benar terdapat kumpulan-kumpulan pelajar yang menggunakan wang biasiswa mereka untuk menampung perbelanjaan tambang menambang dan sebagainya bagi satu golongan lain yang datang melawat

dan memberi ceramah di tempat mereka? Kalau benar, berapa banyak jumlah yang telah disumbangkan oleh pelajar-pelajar dan berapa ramai daripada ahli-ahh kumpulan itu yang telah menerima sumbangan daripada pelajar-pelajar di luar negeri?

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kali pertama yang saya dengar satu berita seperti itu dan saya percaya satu siasatan yang wajar akan dijalankan.

**Tuan Chan Kok Kit:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Sama ada Kerajaan bercadang bahawa pelajar-pelajar yang menerima biasiswa hanya dibenarkan belajar di universiti-universiti tempatan?

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan itu tidak boleh diterima oleh kerana ada banyak kursus-kursus yang tidak didapati dalam universiti-universiti tempatan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kebanyakan kursus-kursus yang diikuti oleh pelajar-pelajar yang menerima biasiswa-biasiswa Kerajaan itu boleh didapati di universiti-universiti tempatan? Kalau sekiranya beliau tidak sedar, bolehkah beliau menyiasat dengan teliti?

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong adalah benar tetapi apa yang Kerajaan buat sekarang ini adalah oleh kerana permintaan untuk sesuatu golongan siswazah tidak boleh dikeluarkan dari ke semua tempat-tempat di institusi-mstitusi pengajian tinggi di negara kita.

## PERMOHONAN SIJIL KEWARGA- NEGARAAN MALAYSIA

**12. Tuan Tan Kok Hooi** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sehingga hari ini berapakah

permohonan Sijil Kewarganegaraan Malaysia masih belum diluluskan; beri sebab-sebab kelambatan kelulusan itu dan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah kelambatan itu.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, pada 31hb Ogos, 1985 jumlah permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia yang sedang diproses oleh Kementerian Dalam Negeri ialah 10,251. Ini merupakan 0.42% daripada jumlah permohonan yang telah diproses oleh Kementerian.

Urusan memproses permohonan taraf kewarganegaraan memakan masa kerana setiap permohonan taraf kewarganegaraan adalah dikaji dengan rapi dan disiasat dengan teliti bagi mengesahkan kesahihan maklumat yang diberikan oleh pemohon itu. Semakan ini perlu dibuat bagi mereka yang benar-benar layak dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perlembagaan Malaysia sahaja akan dikurniakan anugerah ini.

Pihak Kementerian tidak menghadapi masalah dalam memproses permohonan taraf kewarganegaraan dan berpuas hati dengan langkah-langkah yang dilaksanakan sekarang.

**Tuan Tan Kok Hooi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu berapakah permohonan yang telah ditolak?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1966 sebanyak 51,838 permohonan yang telah ditolak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 13 hingga 20 adalah diberi di bawah ini).*

## PENDATANG HARAM VIETNAM SEBAGAI PENGINTIP

**1. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah benar dakwaan Ketua Majlis Keselamatan Kebangsaan Thai, yang menyatakan bahawa Negara Vietnam menghantar pengintip-pengintip bersama-sama pendatang haram Vietnam di Malaysia dan Thailand. Apakah langkah-langkah keselamatan yang diambil bagi mengatasi masalah ini.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Setakat ini masih belum ada bukti terdapatnya pengintip Vietnam yang menyusur masuk bersama pendatang haram Vietnam ke negara ini.

Kerajaan sentiasa berwaspada terhadap ancaman ini. Untuk mengawal keadaan dengan bersungguh-sungguh dan berkesan, sebuah pasukan petugas telah ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri dalam tahun 1978 untuk mengawal kemasukan, penempatan sementara di negara ini dan pemindahan ke negara-negara penerima. Ketika berada di negeri ini, semua pendatang haram Vietnam diperiksa, ditapis dan dikawal dengan rapi.

## PELAJAR-PELAJAR DI UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN—KEMASUKAN

**13. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah permohonan yang diterima dari pelajar-pelajar untuk memasuki universiti-universiti tempatan untuk akademik 1985/86 dengan memberikan angka-angka mengikut pecahan kaum bagi setiap universiti.

**Dato Dr Ling Liong Sik:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada sesi akademik 1985/86, seramai

31,816 orang calon lulusan STPM telah memohon untuk memasuki universiti-universiti tempatan. Daripada jumlah tersebut 18,289 orang adalah calon-calon bumiputera dan 13, 527 orang adalah calon-calon bukan bumiputera. Daripada jumlah 31,816 permohonan itu, seramai 8,213 orang calon telah berjaya, iaitu 4,517 orang (55%) pelajar bumiputera dan 3,096 orang (45%) pelajar bukan Bumiputera.

## KEMAJUAN MURID DALAM SISTEM KBSR

**14. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman** minta Menteri Pelajaran menyatakan sudahkah Kementerian selesai untuk mengetahui cara-cara mengenal-pasti prestasi/kemajuan murid-murid di dalam sistem KBSR sekarang ini. Jika sudah sila terangkan penekanan yang digunakan di dalam menentukan cara dan kriteria kemajuan seseorang murid.

**Dato Dr Ling Liong Sik:** Prestasi murid dalam kelas-kelas KBSR dikesani dengan cara mengadakan penilaian yang berterusan di bilik darjah. Antara cara-cara yang digunakan ialah ujian pensel dan kertas serta pemerhatian kerja-kerja harian dan tingkah laku murid-murid. Kemajuan dalam bidang kemahiran dan ilmu pengetahuan seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Bahasa Inggeris, Matematik, Alam dan Manusia serta Pendidikan Agama Islam dikesani melalui ujian pensel dan kertas. Bagi bidang-bidang yang merangkumi aspek nilai dan sikap pula kemajuan murid-murid dikesani dengan cara pemerhatian tingkah laku mereka.

## KENAIKAN PANGKAT DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**15. Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar akan aduan-aduan yang

dibuat oleh Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM tentang dasar-dasar pengambilan dan kenaikan pangkat kakitangan akademik yang dipengaruhi oleh berat sebelah pentadbiran yang seterusnya telah menjejaskan semangat dan keberkesanan kakitangan akademik itu. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membetulkan keadaan ini, termasuk menjalankan suatu kajian semula secara bebas mengenai sistem kenaikan pangkat dan amalannya yang sebenar.

**Dato Dr Ling Liong Sik:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini, Kementerian Pelajaran tiada menerima apa-apa aduan secara rasmi daripada mana-mana pihak di Universiti Sains Malaysia mengenai dasar-dasar pengambilan dan kenaikan pangkat kakitangan akademik.

Walau bagaimanapun, ingin saya nyatakan Kementerian Pelajaran sedang meneliti keadaan yang berlaku dan jika perlu satu penyiataan akan dibuat.

#### **PENGALIRAN MODAL KE LUAR NEGERI**

**16. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) memandangkan peristiwa-peristiwa pengaliran modal keluar negeri (flight of capital) pada tahun-tahun kebelakangan ini, apakah tindakan Kerajaan ke arah menarik kembalinya modal yang berkenaan;
- (b) apakah Kerajaan akan mengisytiharkan satu "moratorium" selama enam bulan bagi menyenangkan kembalinya modal itu.

**Dato Sabbaruddin Chik:**

- (a) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pengatiran keluar modal dialami oleh

semua negara. Ini disebabkan oleh berbagai faktor seperti perbezaan kadar faedah dan juga keadaan di dalam sesuatu negara. Malaysia mengamalkan dasar kewangan dan sistem kawalan pertukaran asing yang liberal dan tanpa diskriminasi. Di bawah sistem ini, aliran masuk dan keluar modat adalah bebas. Sistem seperti ini telah memberi faedah kepada Malaysia, terutamanya bagi menggalakkan kemasukan pelaburan asing.

Kerajaan akan terus mewujudkan keadaan yang sesuai bagi menggalakkan aliran masuk kumpulan wang untuk pelaburan. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kedudukan ringgit yang kukuh dan stabil, kadar inflasi yang rendah berserta dengan keadaan iklim pelaburan yang sihat telah mendorong kemasukan modal asing ke negara ini. Kerajaan juga telah dan akan terus melaksanakan langkah-langkah supaya lebih banyak modal asing mengalir ke dalam ekonomi negara ini.

- (b) Hingga masa ini Kerajaan tidaklah mempunyai cadangan untuk mengisytiharkan "moratorium" bagi menyenangkan aliran kembali modal dari luar negeri yang dimiliki oleh rakyat Malaysia.

#### **GURU-GURU TERLATIH DI SEKOLAH RENDAH CINA SARAWAK**

**17. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kekurangan guru-guru terlatih untuk mengajar di sekolah-sekolah rendah Cina di Sarawak kini mengancam survival pelajaran ibunda di negeri tersebut

dan jika ya, apakah rancangan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

**Dato Dr Ling Liong Sik:** Kementerian Pelajaran memang menyedari terdapatnya kekurangan guru-guru terlatih untuk mengajar di Sekolah-sekolah Rendah Cina di Sarawak. Sebenarnya kekurangan guru-guru terlatih tidak sahaja terdapat di Sekolah-sekolah Rendah Cina di Sarawak tetapi juga di sekolah-sekolah jenis lain di negeri-negeri lain. Kekurangan guru-guru terlatih di sekolah-sekolah Rendah Cina di Sarawak tidak mengancam survival pelajaran Bahasa Cina di negeri tersebut kerana jawatan-jawatan guru yang kosong diisi dengan guru-guru sandaran yang mempunyai kelulusan dalam Bahasa Cina.

Di samping itu Kementerian Pelajaran akan terus berusaha untuk menambahkan bilangan guru yang diperlukan dengan;

1. Meneruskan kursus dalam masa cuti bagi guru-guru sandaran.
2. Menambah pengambilan pelatih di Maktab-maktab Perguruan.

#### **PERHENTIAN SEBELAH (LAY-BYS)**

**18. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kerja Raya membina lebih banyak lagi perhentian sebelah (lay-bys) atau bahu jalan di sepanjang lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur memandangkan berlakunya kemalangan-kemalangan yang disebabkan oleh-kenderaan-kenderaan yang diletak di salah satu bahagian jalan kerana sesuatu sebab dan sama ada satu kod lebuhraya bagi penggunaan lebuhraya tersebut boleh diedarkan kepada pemandu-pemandu di rumah-rumah ini.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato Zainal Abidin bin Zin):** Mengenai permintaan Ahli Yang Berhormat

supaya Kementerian saya membina lebih banyak lagi perhentian sebelah (lay-bys), sukalah saya menyatakan bahawa perkara ini sememangnya sekarang dalam perhatian Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Mengenai bahu jalan, pembinaannya tidak perlu oleh kerana bahu-bahu yang ada sekarang di kedua-dua belah jalan sememangnya telah disediakan. Di antara sebab mengapa kemalangan berlaku di Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban, adakah kerana kenderaan-kenderaan, terutamanya kenderaan-kenderaan berat, enggan menggunakan perhentian sebelah yang ada untuk kegunaan berhenti rehat, tetapi gemar berhenti dan meletakkan kenderaan-kenderaan mereka di atas bahu-bahu jalan. Perbuatan tersebut bukan sahaja bererti menyalahgunakan bahu-bahu jalan yang sepatutnya khas untuk kecemasan sahaja, tetapi akan membawa bahaya yang boleh mengakibatkan kemalangan. Untuk mencegah pemandu-pemandu daripada melakukan perbuatan sedemikian, pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah pun mengambil tindakan dengan mengarahkan pekerja-pekerja penyelenggaraan Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban menolak/menarik kenderaan-kenderaan yang ditinggalkan di mana-mana bahu-bahu jalan itu. Dalam pada itu pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) juga sedang dalam proses menubuhkan satu Unit Penguatkuasaan yang dijangka mula berfungsi tidak berapa lama lagi. Penubuhan Unit itu akan dapat memperketatkan lagi penguatkuasaan undang-undang ke atas pengguna-pengguna Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban itu.

Mengenai sama ada kod lebuhraya bagi kegunaan lebuhraya-lebuhraya boteh diedarkan kepada pemandu-pemandu di rumah-rumah tol, saya fahamkan bahawa kod yang

dimaksudkan ialah kod khas untuk lebuh raya sahaja, berbanding dengan "Highway Code" yang sedia ada bagi kegunaan semua jenis jalan raya, termasuk lebuh raya. Jika kod seperti itu dimaksudkan, sukaulah saya memaklumkan bahawa kod tersebut belum ada, dan didapati tidak perlu buat masa ini. Ini adalah kerana "Highway Code" yang ada sekarang itu didapati memadai untuk panduan semua kenderaan-kenderaan di negara ini. "Highway Code" itu mudah diperolehi dari Jabatan Percetakan Negara dengan harga 50 senaskah.

**PERSIDANGAN MENTERI-  
MENTERI LUAR NEGARA  
BERKECUALI DI LUANDA**

**19. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil yang dicapai oleh pihak perwakilan Malaysia dalam Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Berkecuali di Luanda, Angola baru-baru ini terutama mengenai pencerobohan kuasa-kuasa besar terhadap negara-negara kecil seperti apa yang berlaku di Afghanistan dan di Kampuchea.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya ingin mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh pada 28 November, 1985 kerana kedua-dua soalan adalah bertujuan sama.

Di Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Berkecuali di Luanda, Angola pada 2-6 September, 1985, Menteri-menteri Luar Negara-negara Berkecuali antara lain telah berbincang mengenai masalah-masalah Kampuchea dan Afghanistan.

Semasa perbahasan terbuka di Persidangan tersebut, Perwakilan Malaysia serta beberapa perwakilan-perwakilan negara lain telah mengecam Russia dan Vietnam atas pencerobohan mereka di Afghanistan dan Kampuchea.

Perisytiharan politik yang dibuat oleh Persidangan di Luanda itu telah sekali lagi menyeru supaya tentera-tentera asing diundurkan dari Negara-negara Afghanistan dan Kampuchea dan supaya kemerdekaan dikembalikan kepada rakyat negara-negara berkenaan.

Pada keseluruhannya, Perwakilan Malaysia berpuas hati dengan keputusan Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Berkecuali di Luanda itu kerana kita telah mendapat sokongan kuat di atas inisiatif kita mengenai kerjasama antarabangsa berkaitan dengan pencegahan penyalahgunaan dadah dan juga mengenai isu Antartika.

Walaupun kita sedar yang keputusan-keputusan Persidangan tersebut mengambil masa untuk dilaksanakan, Negara kita tidak berputus asa untuk bersungguh-sungguh berusaha bersama anggota-anggota lain dalam Pergerakan Negara-negara Berkecuali untuk mendapat keputusan-keputusan itu dilaksanakan.

**KEMATIAN AKIBAT RACUN  
PARAQUAT**

**20. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan kes:

- (i) kematian
- (ii) kecederaan

yang dihasilkan oleh peracunan paraquat dan racun serangga dan rumput yang lain bagi setiap negeri dengan memberikan butir-butir seperti:

- (a) darjat kecederaan
- (b) pampasan yang diterima oleh setiap mangsa ataupun warisnya.

Adakah keputusan muktamad yang telah diambil oleh pihak Kementerian dan Kementerian Pertanian untuk menjaga keselamatan serta kesihatan pengguna-pengguna racun ini.

**Menteri Kesihatan (Dato Chin Hon Ngian):**

- (i) Sejak tahun 1980 sehingga September tahun ini, bilangan kematian akibat daripada racun paraquat mengikut negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Kematian</i>
Perlis . . . .	10
Kedah . . . .	77
Pulau Pinang ..	39
Perak . . . .	244
Selangor .	195
Negri Sembilan ..	202
Melaka . . . .	35
Johor . . . .	201
Pahang . . . .	86
Terengganu .	0
Kelantan . . . .	13
Jumlah, ialah ..	1,102

- (ii) Bagi tempoh yang sama (1980-September 1985) kecederaan akibat daripada keracunan paraquat yang telah dilaporkan oleh hospital-hospital kerajaan mengikut negeri-negeri di Semenanjung adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Kes Kecelakaan</i>
Perlis . . . .	24
Kedah . . . .	174
Pulau Pinang .	79
Perak ..	621
Selangor . . . .	428
Negri Sembilan ..	369
Melaka . . . .	55
Johor .. ..	411
Pahang . . . .	312
Terengganu ..	3
Kelantan . . . .	17
Jumlah, ialah ..	2,493

Laporan mengenai kes-kes kematian dan kecederaan akibat daripada keracunan serangga dan rumpai *selain* daripada paraquat sedang diperolehi dari Hospital-hospital Kerajaan dan maklumat ini akan disampaikan kepada Yang Berhormat secara bertulis sebaik sahaja ianya diterima dan disusun mengikut permintaan Yang Berhormat itu. Maklumat-maklumat mengenai Sabah dan Sarawak akan juga dikemukakan sekali.

- (a) Darjah kecederaan yang disebabkan oleh racun paraquat dan yang bukan paraquat adalah berbeza dari pesakit ke pesakit. Ada terdapat kecederaan yang ringan yang memerlukan hanya satu atau dua hari rawatan di hospital dan ada pula yang terlalu teruk sehinggalah membawa maut.
- (b) Penggunaan racun-racun makhluk perosak adalah dikawal di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974 yang ditadbirkan oleh Kementerian Pertanian. Kementerian Pertanian tidak mempunyai apa-apa peraturan untuk memberi pampasan kepada mana-mana mangsa atau warisnya akibat keracunan racun makhluk perosak.

Kementerian pertanian dan Kementerian saya memandang serius tentang kejadian-kejadian yang diakibatkan oleh racun-racun makhluk perosak terutama sekali paraquat dan telah mengambil keputusan supaya penjualan, penyimpanan dan pengendalian racun-racun ini dikawal dengan ketat di bawah peraturan-peraturan yang sedang disediakan di bawah Seksyen 57 (1) (e) Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

Dalam usaha untuk menjaga keselamatan serta kesihatan pengguna-pengguna racun, Jabatan Pertanian telah dan sedang giat mengadakan Kempen Keselamatan dalam penggunaan racun perosak dengan agensi-agensi Kerajaan, pihak pengurusan ladang, persatuan pekerja ladang dan juga pihak swasta.

## USUL

### MENARIK BALIK RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1985

3.35 *ptg.*

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 26 (1) (1) dan Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1985 yang telah dibacakan kali yang pertama di Dewan ini pada 16hb Oktober, 1985 ditarik balik kerana ada sedikit tambahan dalam tajuk panjang.

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah usul atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 26 (1) (1) dan Peraturan Mesyuarat 62 supaya Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1985 yang telah dibacakan kali yang pertama di Dewan ini pada 16hb Oktober, 1985 ditarik balik kerana ada sedikit tambahan dalam tajuk panjang, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 26 (1) (1) dan Peraturan Mesyuarat 62 supaya Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1985 yang telah dibacakan kali yang pertama di Dewan ini pada 16hb Oktober, 1985 ditarik balik kerana ada sedikit tambahan dalam tajuk panjang.

### RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

#### RANG UNDANG-UNDANG DAGANGAN KOMODITI

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menubuhkan Suruhanjaya Dagangan Komoditi bagi mengadakan peruntukan penubuhan satu bursa komoditi bagi mengawal perdagangan kontrak serahan hadapan komoditi dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan yang bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perusahaan Utama; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

#### RANG UNDANG-UNDANG BANTUAN GUAMAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bantuan Guaman, 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

#### RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1985

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi

membuat peruntukan untuk menambahkan bilangan Ahli-ahli Dewan Rakyat dari negeri Sarawak dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya termasuk peruntukan untuk Suruhanjaya Pilihanraya membuat ulang kajian di bawah Fasal 2 Perkara 113 Perlembagaan untuk membahagi-bahagikan negeri Sarawak kepada bahagian-bahagian pilihanraya Persekutuan dan Negeri dan jua membuat peruntukan supaya Perkara 61 Perlembagaan terpakai kepada seseorang Setiausaha Parlimen; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

## USUL

### LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA DEWAN RAKYAT KELIMA

3.39 *ptg.*

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mencadangkan:

Bahawa Dewan ini melahirkan rasa kesalnya bahawa laporan penuh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Dewan Rakyat yang Kelima berkenaan Kira-kira Kerajaan Persekutuan tahun 1977 hanya dibentangkan pada 15hb Oktober, 1985;

Memerhatikan lanjutnya bahawa Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Dewan Rakyat yang Keenam belum pernah membentangkan satu laporan penuh pun bersama dengan minit perjalanan mesyuarat kepada Dewan Rakyat;

Memutuskan untuk menerima laporan penuh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Dewan Rakyat

yang Kelima berkenaan Kira-kira Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1977; tetapi

Mengerahkan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Dewan Rakyat Yang Keenam supaya menyiap serta membentangkan semua laporannya berkenaan Kira-kira Kerajaan Persekutuan tahun 1978 dan selepasnya kepada Dewan Rakyat ini kerana sekiranya tidak, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara akan hilang ertinya sekiranya laporan-laporannya hanya siap untuk Dewan Rakyat yang Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian farce yang berlaku minggu sudah di Parlimen di mana Dewan Rakyat telah dikelirukan oleh seorang Menteri Kabinet sehingga melanggar Peraturan Majlis Mesyuarat untuk membatalkan persidangan Parlimen pada hari Khamis dan Jumaat lalu telah membawa darjat yang tidak pernah tinggi di khalayak awam ke tahap yang rendah. Akibat farce Parlimen itu, rakyat Malaysia berhak bertanya sama ada Ahli-ahli Parlimen boleh diamanahkan untuk meluluskan undang-undang yang menentukan masa depan mereka dan juga negara disebabkan Ahli-ahli Parlimen dan Menteri-menteri tidak faham Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat mereka sendiri. Lanjutnya mereka berhak bertanya apakah yang mereka boleh mengharapkan daripada Parlimen apabila kedua-dua Kerajaan dan Parlimen adalah begitu tidak cekap sehingga proceeding Parlimen terganggu disebabkan oleh Rang Undang-undang Kerajaan tersangkut dengan Percetakan Kerajaan.

Subjek usul saya hari ini iaitu Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang kononnya menjadi penjaga (custodian) tertinggi accountability awam Kerajaan tidaklah dijangkakan meninggikan darjat dan

penghormatan Parlimen di kalangan rakyat Malaysia. Adalah amat sedih bahawa sempena dengan ulang tahun ke 25 Parlimen yang kita telah merayakan awal tahun ini, darjat Parlimen adalah begitu rendah sama sekali dan nampaknya kita berhasrat menggagalkan serta membongkarkan ketidak consequent dan ke tidak relevannya Parlimen dan bukan sebaliknya mengambil langkah-langkah pembedahan menerusi reformasi-reformasi Parlimen untuk memberi isi dan makna kepada Parlimen Malaysia, untuk memperolehi balik penghormatan orang awam terhadapnya.

Adalah nyata bahawa sekiranya Ahli-ahli Parlimen sendiri tidak menganggap Parlimen serta tugas dan tanggungjawab Parlimen mereka dengan serius dan kalau tidak, tidak ada sebab mengapa parti pemerintah iaitu Barisan Nasional yang mempunyai majoriti 4/5 tidak boleh memastikan terdapat korum yang cukup, maka tidak seorang pun di negara ini yang akan menghormati Parlimen.

Laporan yang kita membincang hari ini ialah Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen Kelima mengenai kira-kira Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1977. Parlimen Kelima telah dibubarkan dalam bulan Mac, 1982, tetapi sistem Parlimen kita ada begitu cekap sehingga kita kini sedang mendengar dan membahar suara orang-orang si mati (voice from the dead). Dengan menggunakan perkataan "si mati" (the dead), saya tidak bermakna bahawa Ahli-ahli Parlimen dari Parlimen Kelima sudah meninggal dunia, kerana saya dan ramai Ahli-ahli dalam Parlimen yang Kelima ada di dalam Dewan yang mulia hari ini, tetapi apa yang saya maksudkan ialah bahawa Parlimen Kelima tidak wujud lagi. Parlimen Kelimalah yang seharusnya membahaskan laporan ini, laporan yang begitu tebal ini. Akan

tetapi Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen Kelima mengenai Kira-kira Kerajaan Persekutuan tahun 1977 hanya dibentangkan dalam Parlimen pada minggu yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen Malaysia adalah Parlimen yang paling unik dalam dunia yang sering menetapkan precedent-precedent yang menyebabkan institusi Parlimen kita dipandang hina dan menjadi bahan ketawa awam.

Satu lagi muslihat yang memeranjatkan ialah percubaan untuk menyembunyikan ketuaan (agedness) laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari Rabu yang lalu iaitu bersamaan 16hb Oktober, 1985, laporan penuh Parlimen Kelima mengenai Kira-kira Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1977 ialah laporan yang penuh ini telah diberi nombor rujukan DR. 4/1981, sungguhpun tarikh pembentangannya di dalam Dewan yang mulia ini adalah 15hb Oktober, 1985. Sekiranya laporan penuh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen Kelima adalah sebuah dokumen tahun 1981, maka mengapakah ia dikemukakan dan dibentangkan dalam Parlimen dalam tahun 1985 dan bukan pada tahun 1981. Nampaknya di Malaysia kita bukan sahaja mempunyai undang-undang yang bersifat retrospective tetapi kita juga mempunyai risalah-risalah yang dibentangkan dalam Parlimen yang bersifat retrospective tabling dalam Parlimen ini.

Dalam bulan Disember, 1981 Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen Kelima memutuskan untuk menukar amalan biasanya dengan membentangkan syor-syor ke atas Kira-kira Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1977, tanpa nota-nota keterangan yang merupakan laporan verbatim peraturan-peraturan yang

diadakan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Sungguhpun begitu bahagian yang kedua Laporan Verbatim yang dibentangkan dalam minggu lalu patutlah diberi reference dan nombor tahun 1985.

Di sini saya menyentuh Laporan PAC, buku yang tebal ini, laporan yang sebenarnya ada dibentangkan dalam tahun 1981 dan bukan bahagian verbatimnya. Dalam perenggan yang keempat, kalau tidak silap, ada berbunyi, muka dua:

" . . . kami mengambil keputusan untuk tidak mengikut amalan biasa dalam mana laporan kami diserahkan bersama-sama dengan nota-nota keterangan. Demi untuk kepentingan menyampaikan laporan kami dalam masa yang patut dan sewajarnya, kami dengan ini mengemukakan satu laporan mengenai penyiasatan dan syor-syor kami dalam satu dokumen berasingan tanpa menunggu penyiapan nota-nota keterangan penyiasatan itu kerana ia akan mengambil masa untuk disiapkan. Walau bagaimanapun ianya akan dibentangkan dalam Dewan sebaik sahaja ia siap dicetak."

Tuan Yang di-Pertua, flexibility Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Kelima untuk mengeluarkan laporan dan syor-syornya mengenai kira-kira Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1977 haruslah dipuji tetapi kebaikan yang dibayangkannya telah terhilang kerana ianya tidak dapat mengeluarkan laporan keterangan yerbatimnya sebelum pembubaran Parlimen Kelima dalam tahun 1982. Ini adalah disebabkan keterangan yerbatim PAC merupakan bahagian yang penting dalam Laporan PAC kepada Parlimen, agar Ahli-ahli Parlimen dapat mengadili sama ada laporan dan syor-syor PAC itu adalah sesuai dan dapat dipertahankan akibat pendengaran-pendengaran yang

diadakan ataupun laporan tersebut adalah terlalu lambat atau keras.

Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat 77 (2) memperuntukkan bahawa Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara hendaklah ditubuhkan pada awal tiap-tiap Parlimen dan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat 86 (1) memperuntukan bahawa tiap-tiap Jawatankuasa Pilihan—dan ini termasuk PAC sendiri—hendaklah membuat suatu penyata kepada Majlis berkenaan dengan perkara-perkara yang diedarkan kepadanya dengan seberapa segeranya.

Dari segi teknik dan dari segi kewajarannya, PAC Parlimen Kelima yang dicipta atau yang ditubuhkan oleh Parlimen Kelima telah terhenti kewujudannya pada saat Parlimen Kelima dibubarkan dalam bulan Mac, 1982 dan disebabkan PAC sendiri tidak dapat menyediakan laporan keterangan yerbatimnya ke atas kira kira Kerajaan Persekutuan untuk tahun 1977 sebelum pembubaran Parlimen, maka laporan tersebut telah luput kerana PAC Parlimen Kelima tidak mempunyai, dengan izin, "after life", yang boleh balik untuk kemukakan laporannya kepada Parlimen, empat tahun setelah pembubarannya. Cara tunggal untuk menyelamatkan laporan keterangan yerbatim Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Kelima mengenai kira-kira Kerajaan Persekutuan tahun 1977 ialah bagi PAC Keenam kemukakan di bawah namanya sendiri dengan menjadi dokumen tersebut sebagai suatu dokumen tahun 1985 Parlimen Keenam dan bukan kemukakan secara senyap-senyap kepada Parlimen pada 15hb Oktober, 1985 sebagai satu dokumen "phantom", dengan izin, tahun 1981.

Di sini pun saya terpaksa mengakui bahawa saya tidak pasti akan kewajaran Parlimennya atau

proprietynya. Akan tetapi, apa yang terlibat yang lebih mustahak di sini bukan sahaja kewajarannya atau propriety Parlimen tetapi bahawa Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan termasuk PAC harus menjalankan syarat-syarat rujukannya untuk melaporkannya sebaik sahaja sebelum pembubaran Parlimen yang membentuknya sekiranya ia ingin menunaikan tanggungjawab Parlimennya. Sementara innovation. ....

**Tuan Alias bin Md. Ali:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta penjelasan!

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka mengakui bahawa Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini dianggotai juga oleh anggota DAP. Dan kalau perjalanan Jawatankuasa ini tidak begitu licin pada masa yang lepas, adakah ini bermakna bahawa anggota DAP yang duduk dalam Jawatankuasa ini juga ikut bersalah dan Wakil dari Melaka sekarang ikut menyalahkan Wakil DAP kerana tidak bertanggungjawab menimbulkan perkara kelemahan-kelemahan ini pada waktu DAP sendiri duduk di dalam Jawatankuasa itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nampaknya Yang Berhormat dari Ulu Terengganu sentiasa mahu menjadikan apa-apa sebagai parti politik. Itu kita pun boleh ikut. Tetapi sebelum itu nampaknya Yang Berhormat dari Ulu Terengganu tidak faham hujah-hujah saya. Mengitu terlalu tinggi sungguhpun dia veteran Ahli Parlimen tidak faham bahawa sebuah Jawatankuasa yang diwujudkan, ditubuhkan oleh Parlimen yang Kelima dengan pembubaran Parlimen Yang Kelima pun terus dibubarkan dan siapa bentang. Yang Berhormat daripada Ulu Terengganu? Tidak. Itu kalau dia tidak faham, saya pun

faham. Kenapa dia tidak faham. Tetapi di sini saya bukan mahu salah sesiapa, salah anggota-anggota Ahli-ahli dalam Jawatankuasa Kira-kira Kewangan Negara. Sebenarnya saya mengakui tidak ada seorang anggota dalam PAC Parlimen Kelima semacam kita ada seorang anggota dalam PAC Parlimen Keenam. Apa yang kita perlu mengambil perhatian ialah cara ini di mana laporan PAC dibentangkan selepas pembubaran Parlimen yang ditubuhkannya satu cara yang kita tidak boleh teruskan. Dan kalau inilah begitu simple pun mahu mempertikaikan itulah standard, mutu, darjah Ahli Parlimen Yang Berhormat dari Ulu Terengganu.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat?

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Yang Berhormat, saya tahu Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Kota Melaka itu seorang yang bijaksana, seorang yang berpelajaran tinggi, seorang yang hampir kepada taraf genius. (*Tepuk*). Kalau tidak orang yang tidak hampir kepada taraf genius, tidak akan mengakui diri sebagai lebih bijak daripada orang lain. Cakap-cakap takabur ini yang sebenarnya pun tidak ada pada orang-orang genius, Tuan Yang di-Pertua, hanya Tuhan yang berhak bercakap takabur yang mengatakan bahawa akulah yang lebih pandai, akulah yang lebih bijak, akulah yang lebih tahu dan akulah yang maha alim dalam serba hal. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya pun faham apa yang dikatakan oleh Ahli dari Kota Melaka itu. Tetapi apa yang saya tidak faham ialah bahawa dalam semua Jawatankuasa PAC pada masa lepas dan pada masa sekarang diwakili oleh DAP dan kalau pada masa lepas ada perjalanan yang

tidak hetul di dalam PAC, kelambatan menghantar laporan dan sebagainya kepada Dewan ini, saya ingin bertanya kepada Ahli dari Kota Melaka, adakah Wakil DAP di dalam PAC yang lepas dan sekarang mengemukakan perkara ini kepada persidangan-persidangan PAC pada masa yang lepas dan sekarang sebelum wakil dari Kota Melaka itu datang membangkitkannya dalam Dewan ini dan mendakwa hendak menjadi champion.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak pernah kata bahawa saya orang "genius", tetapi kalau Yang Berhormat dari Ulu Terengganu menganggap saya sebagai genius, itu hal Yang Berhormat dari Ulu Terengganu. Tetapi masalah bukan siapa salah, kalau ada berlaku perkara semacam ini bukan sahaja anggota-anggota PAC Parlimen Kelima mahu bertanggungjawab tetapi juga Ahli-ahli Parlimen daripada Parlimen Kelima pun mahu bertanggungjawab termasuk saya sendiri, termasuk Yang Berhormat dari Ulu Terengganu, tetapi ini bukan bererti kita tak patut kemukakan masalah ini, oleh kerana dalam usulsaya ada kata kita tidak mahu PAC Parlimen Keenam ini laporannya siap untuk selepas pilihanraya besar untuk Parlimen Yang Ketujuh, itulah kalau setuju, sokong usul ini, apa konflik saya pun tak faham,

Bolehkah saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan, tidak ada apa-apa halangan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mungkin Yang Berhormat dari Ulu Terengganu mahu halang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sementara inovasi mengemukakan laporan PAC kepada Parlimen secara berasingan

mempunyai niat yang baik, kita mengakui niat yang baik, namun saya berfikir ia tidak boleh disokong dan tidak boleh diterima. Solusi untuk mengemukakan laporan PAC kepada Parlimen lebih awal ialah bukan dengan menurunkan taraf Laporan Kelerangan Verbatim PAC tetapi dengan memastikan bahawa Laporan Keterangan Verbatim diterbitkan juga pada masa syor-syor PAC diterbitkan. Jika tidak, Parlimen yang menubuhkan PAC tidak akan mempunyai laporan yang penuh untuk memutuskan sama ada hendak menerima, menolak atau meminda laporan PAC itu. Rasional untuk memendekkan prosidur kemukakan laporan-laporan PAC telah diberi oleh Ketua'Audit Negara dalam mesyuarat PAC yang diadakan pada 3hb September, 1981 di mana beliau telah berkata dan, dengan izin, saya petik daripada laporan ini, muka 111:

"Tan Sri Datuk Ahmad Noordin: . . . . For your information, the Committee is trying to short-circuit the procedure, because last October we submitted the Report of the Committee for 1974. Now I am trying my best to be more up-to-date and the Committee agrees that it will submit its Report even before the evidence is available, because like in the court the records evidence will not be available for years until there is an appeal. You see, I just follow that procedure. If it is good for the court it should be good for us, because we are a semi-judicial body. In the case of the court, the evidence taken at the hearing even by witnesses is not submitted with the judgment. The judgement is the findings of the court, whether the accused is convicted or not. . . . But the records of the evidence will not be available until there is an appeal. So, similarly, we want to work on the same basis."

Tuan Yang di-Pertua, dengan rasa penuh hormat atau dengan izin, "greatest respect" kepada Ketua Audit Negara, saya rasa beliau tersilap dalam memahami sifat PAC serta tanggungjawab kepada Parlimen. Menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 77, Parlimen menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara pada awal setiap Parlimen untuk periksa kira-kira awam dan melaporkan kepada Parlimen syor-syornya. Parlimen kemudiannya hendaklah memutuskan sama ada hendak menerima, menolak atau meminda laporan dan syor-syor PAC itu dan Parlimen tidak boleh berbuat demikian tanpa satu laporan penuh yang termasuk Laporan Keterangan dan Verbatim. Perbandingan Laporan Keterangan PAC dengan Laporan Keterangan Mahkamah yang dibuat oleh Ketua Audit Negara di mana keputusan Hakim kekal, kecuali mana-mana pihak merayu terhadap keputusan tersebut adalah tidak wajar sama sekali. Laporan PAC adalah dengan serta-merta tertakluk kepada pemeriksaan Parlimen dan ini hanya dapat dibuat dengan mengemukakan pada masa yang sama Keterangan Verbatim PAC bersama dengan laporan serta syor-syornya. Saya berharap pada masa akan datang PAC akan memastikan bahawa ia kemukakan laporan yang penuhnya dan bukan laporan yang tidak sempurna yang hanya mengandungi syor-syor sahaja, yang jelas akan menafikan Ahli-ahli Parlimen peluang untuk menghakimi laporan PAC itu.

Saya memberi pemberitahu di sini bahawa pada masa akan datang saya akan mencadangkan supaya semua laporan PAC yang tidak sempurna, yang tidak disertakan dengan Keterangan Verbatim ditolak oleh Dewan.

Sebentar lagi saya akan kemukakan cadangan-cadangan saya tentang bagaimana Laporan Keterangan PAC

boleh dikemukakan dengan segera kepada Ahli-ahli Parlimen supaya ia tidak akan dijadikan alasan mengapa laporan-laporan PAC kepada Parlimen dilambatkan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang dikata keadilan yang dilambatkan adalah keadilan yang dinafikan atau dengan izin, "justice delayed is justice denied", maka begitu juga Ahli-ahli Parlimen harus menyedari bahawa accountability awam yang dilambatkan ialah accountability awam yang dinafikan atau, dengan izin, "public accountability delayed is public accountability denied".

Ahli-ahli Parlimen pasti akan teringat bahawa apabila laporan Ketua Audit Negara berhubung dengan Kira-kira Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1977 diterbitkan dalam bulan Ogos, 1981 begitu banyak publisiti telah diberikan dalam sejarah laporan-laporan Ketua Audit Negara. Penerbitan laporan tersebut dilakukan scmpena dengan pengambilan alih Kerajaan oleh pemimpin 2M dan Kerajaan 2M telah mengisi berbatu-batu ruangan suratkhbar dengan mcngisytiharkan ikrarnya untuk mewujudkan sebuah Kerajaan yang terbuka, accountable, cekap dan amanah. Malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberitahu pihak akhbar dalam bulan Ogos, 1981 bahawa laporan Ketua Audit Negara dibenar untuk diterbitkan dalam suratkhbar buat pertama kalinya dan bahawa itu menunjukkan sikap terbuka Kerajaan 2M. Ini memang tidak benar, kerana sekian lama ini laporan Ketua Audit Negara pernah diterbitkan dalam akhbar-akhbar, tetapi itulah kali pertama begitu banyak publisiti telah diberikan terhadapnya disebabkan pendorongan Kerajaan. Kerajaan 2M bertujuan menunjukkan dalam tahun 1981 bahawa ia adalah jauh berbeza dengan Kerajaan-kerajaan dahulu

bahawa ia tidak apa-apa untuk disembunyikan, bahawa segala pendedahan mengenai kelemahan, penyalahgunaan wang awam, kecurangan dan ketidakcekapan akan dibongkar tanpa belas kasihan. Tetapi 4 tahun demikian rakyat Malaysia telah mendapati bahawa keadaan antara Kerajaan 2M dan Kerajaan-kerajaan sebelumnya masih belum berubah sangat.

Pertama, sehingga sekarang berbagai kelemahan amalan-amalan curang dan, dengan izin, "irregularities" yang terdapat dalam Kira-kira Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1977 seperti termuat dalam Laporan Ketua Audit Negara yang dikeluarkan dalam tahun 1981 masih belum diselesaikan lagi.

Contoh yang terbaik sekali ialah skandal mee segera (instant mee) yang berlaku di Sabah dan Sarawak di mana harga kontrak bagi sebungkus mee segera ialah \$4.90 sen dan \$3.90 sen masing-masing, padahal harga purata di Semenanjung Malaysia ialah 14 sen bagi setiap bungkus dalam tempoh yang sama. Apakah accountability yang kita boieh bangga-banggakan apabila skandal mee segera masih belum diselesaikan sehingga tahun 1985, malah penyiasatan dan pengendalian skandal mee segera itu dengan sendirinya telah menjadi satu skandal. Saya akan menyentuh skandal mee segera lebih terperinci kemudian nanti.

Kedua, meskipun Kerajaan 2M telah berjanji pada permulaan pentadbiran bahawa Kerajaan akan memberi keutamaan kepada accountability awam dengan memastikan bahawa Penyata Kewangan Tahunan Kerajaan serta Laporan Ketua Audit Negara ke atas Kira-kira Kerajaan Persekutuan akan diterbitkan dengan secepat mungkin dan bukan seperti dahulu di mana ia diterbitkan begitu lambat, namun

tidak kelihatan apa-apa perubahan yang nyata dalam perkara ini. Setakat ini ialah bulan Oktober, 1985, Parlimen belum lagi menerima Laporan Ketua Audit Negara ke atas Kira-kira Kerajaan Persekutuan untuk tahun 1982, tahun 1983 dan tahun 1984.

Saya difahamkan bahawa Laporan Ketua Audit Negara ke atas Kira-kira Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1982 dan 1983 telah siap dan sudah pun dikemukakan kepada Kerajaan. Sekiranya -ini benar berlaku, maka saya menghendaki Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dalam Parlimen malam ini untuk menerangkan mengapa Jemaah Menteri menahan laporan Ketua Audit Negara untuk kedua-dua tahun tersebut yang melanggar commitment Kerajaan 2M mengenai accountability awam.

Saya mendapati bahawa terdapat satu pertukaran pendapat antara Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin dan Ketua Akauntan Negara, Dato' Shamsir bin Omar yang amat menarik, yang berlaku pada 3hb September, 1981 seperti dilaporkan dalam laporan keterangan PAC di dalam muka surat 126. Ketua Audit Negara telah berkomen tentang betapa perlunya kira-kira dikemukakan awal serta perihal mustahaknya keyakinan awam terhadap sistem kewangan Kerajaan dipelihara.

Ketua Akauntan Negara (masa itu Dato' Shamsir bin Omar) telah bersetuju dengan saranan Ketua Audit Negara itu dan beliau juga berkata dua kali bahawa PAC (masa itu mesyuarat bulan September, 1981), harus memeriksa Kira-kira Kerajaan Persekutuan untuk tahun 1981 dan bukan untuk tahun 1977. Tetapi kata-kata Ketua Akauntan Negara merupakan expression kosong sahaja, sama juga dengan jaminan-jaminan

kosong yang diberikan oleh berbagai Ketua Setiausaha dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan kepada PAC yang telah boleh didapati dalam laporan keterangan PAC, seolah-olah PAC ialah hanya, dengan izin, a big joke yang tidak harus diberi perhatian berat. Ini dapat dilihat daripada hakikat bahawa PAC Keenam belum lagi kemukakan laporan penuhnya mengenai Kira-kira Kerajaan Persekutuan untuk tahun 1978 dan tahun 1979. Sungguhpun ada kemukakan laporan, perakuan-perakuan atau syor-syor tetapi bukan laporan, yang penuh, dengan laporan verbatim dan juga laporan PAC untuk Kira-kira Kerajaan Persekutuan tahun 1980 dan 1981 belum kelihatan, sementara Laporan Ketua Audit Negara ke atas Kira-kira Kerajaan Persekutuan untuk tahun 1982, 1983, 1984 masih belum lagi dikemukakan kepada Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, hanyalah selepas membaca laporan keterangan verbatim PAC kita dapat memahami syor-syor yang dikemukakan oleh PAC sama ada PAC telah menunjukkan kesan yang diinginkan ke atas sistem kewangan Kerajaan untuk memastikan terdapat accountability awam yang lebih atau sama ada ia merupakan satu urusan Parlimen yang tidak diberi perhatian berat oleh pegawai-pegawai Kerajaan.

Adalah jelas dan nyata bahawa PAC tidak boleh mengharapkan pegawai-pegawai Kerajaan memandangkan dengan serius kerana pertama, apabila PAC memeriksa Kira-kira Kerajaan Persekutuan ia berbuat demikian selepas 4 atau 5 tahun sesudah berlaku peristiwa berkenaan dan pegawai-pegawai yang berkenaan sudah pun bersara, meletak jawatan atau telah ditukar ke Jabatan lain.

Kedua, apabila laporan keterangan PAC diterbitkan empat atau lima tahun lagi—sudah pun lalu dan

mereka yang telah menghadiri diri di hadapan PAC tidak takut atas kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh mereka kerana mereka sendiri pun sudah bersara, meletak jawatan atau ditukar ke jabatan lain.

Satu contoh yang baik sekali ialah peperiksaan yang dijalankan oleh PAC ke dalam aduan yang sering dibuat oleh Ketua Audit Negara tentang kelambatan yang berlaku dalam pembayaran bil-bil oleh Jabatan-jabatan Kerajaan. Peraturan-peraturan Kerajaan memerlukan Jabatan-jabatan Kerajaan meminta supaya bil-bil dikemukakan tidak lewat daripada sebulan selepas pembelian dilakukan atau perkhidmatan diberikan dan Jabatan-jabatan hendaklah memastikan semua bil dibayar dalam tempoh tidak kurang satu bulan daripada tarikh bil tersebut dikemukakan. Disebabkan kelambatan yang berlaku dalam penyelesaian bil-bil Kerajaan boleh menimbulkan rasuah dan berbagai-bagai amalan curang.

Wakil Perbendaharaan telah berjanji kepada PAC dalam bulan September, 1981 bahawa sejak bulan Oktober, 1980 Kerajaan telah mengambil tindakan tegas terhadap bayaran lewat ini dan mengikutnya kita akan mengambil tindakan surcaj dan di masa akan datang tidak ada excuse.

Sebenarnya keadaan tidak berubah sejak tahun 1980, hanya pada bulan lepas kita telah membaca tentang bil-bil hospital sebanyak \$7 juta yang masih belum dijelaskan kepada Kementerian Kesihatan dan lebih separuh daripada jumlah terlibat melibatkan pegawai-pegawai Kerajaan yang dirawati berasaskan kepada surat-surat jaminan yang dikeluarkan oleh Jabatan-jabatan mereka masing-masing.

Ini bermakna berbagai Jabatan-jabatan Kerajaan secara terang-terang telah melanggar Arahan-arahan Perbendaharaan mengenai penjelasan bil-bil Kerajaan dan menurut jaminan yang diberi oleh pegawai-pegawai Perbendaharaan kepada PAC dalam bulan September, 1981, pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam perkara ini harus dikenakan surcaj kerana tidak menjelaskan bil-bil hospital yang berjumlah kira-kira \$4 juta. Apakah ini sedang dibuat? Ini perlu dilakukan segera kerana perkhidmatan hospital-hospital Kerajaan telah merosot baru-baru ini kerana di beberapa hospital termasuk Klinik Parlimen ubat-ubat yang biasa seperti Panadol pun tidak boleh didapati.

Ini mengingatkan saya tentang kes Hotel Ria di Seremban yang dibina dengan harga lebih \$5 juta untuk menggantikan bekas rumah persinggahan Kerajaan. Hotel tersebut telah disewakan kepada sebuah syarikat bumiputera dengan kadar sewa \$10,000 sebulan. Tetapi selama 24 bulan yang lalu Hotel Ria tidak membayar walau satu sen pun dan hutangnya telah meningkat kepada \$240,000. Jelaslah disiplin kewangan Kerajaan sama ada dalam membayar atau memungut bayarannya telah tidak bertambah baik walaupun jaminan demi jaminan telah diberi dalam mesyuarat PAC. Saya berharap Menteri Kewangan boleh menerangkan kepada Dewan ini jumlah pegawai-pegawai Kerajaan yang telah dikenakan surcharge dan untuk berapa jumlah wang dan sama ada mereka sudah pun selesai membayarkannya kerana melanggar Arahan Perbendaharaan yang dilaksanakan sejak Oktober, 1980 berkait dengan pembayaran bil-bil Kerajaan serta pengenaan surcharge ke atas pegawai-pegawai yang gagal menyelesaikan bil-bil Kerajaan. Tiada apa-apa tindakan susulan pun, Tuan Yang di-Pertua, diambil ke atas

jaminan-jaminan yang diberi oleh pegawai-pegawai Kerajaan semasa mesyuarat-mesyuarat PAC dan malah syor-syor PAC pun tidak diberi perhatian yang seharusnya.

Sehubungan dengan ini saya ingin bertanya mengapa Ketua Audit Negara telah menghentikan amalan lamanya di mana beliau senaraikan dalam Laporan-laporannya perkara-perkara yang masih belum diselesaikan serta juga syor-syor dan pemerhatian-pemerhatian outstanding PAC yang dibuat di dalam Laporan-laporan dahulu yang masih belum dilaksanakan atau dikendalikan.

Dalam Laporan Ketua Audit Negara ke atas Kira-kira Kerajaan Persekutuan untuk tahun 1978 kita dapati bahawa syor-syor yang dibuat oleh PAC kebelakang tahun 1971 berhubung dengan kira-kira tahun 1966 masih belum lagi diambil tindakan oleh Kerajaan. Apakah disebabkan tidak ada tindakan susutan maka Ketua Audit Negara telah memutuskan mulai dengan Laporan-laporan untuk Kira-kira Kerajaan Persekutuan tahun 1980 untuk tidak menyelesaikan perkara-perkara yang outstanding atau yang belum diselesaikan itu sama ada berkenaan teguran-teguran auditnya atau syor-syor, pemerhatian-pemerhatian yang dibuat oleh PAC. Ini jelas adalah satu langkah yang retrogressive dalam perang untuk memastikan accountability yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, perkara bahagian yang amat seandalee dalam Laporan PAC mengenai Kira-kira Persekutuan ialah mengenai Skandal Mee Segera di mana tadi saya ada sebut sungguhpun harga purata sebungkus Instant Mee di Semenanjung Malaysia ialah 14 sen tetapi di Sabah apa yang dikontrakkan ialah \$4.90 sen dan Sarawak \$3.90 sen.

Dalam pendengaran-pendengaran PAC dalam perkara ini ialah Skandal Mee Segera. PAC mendapati bahawa

Mee Segera ialah antara satu daripada tujuh items makanan yang dipesan daripada apa yang disebut sebagai contract package makanan mengandungi 52 perkara di mana 7 items ini ada disebut harga dengan tinggi dan dengan quantity yang rendah tetapi apabila contract ini diterima, quantity besar dipesan dan akhirnya Kerajaan rugi \$4 ke \$5 juta.

Dalam verbatim proceedings. ....

**Tuan Alias bin Md. Ali:** (*Bangun*),

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut satu point of order 36 (1). Boleh Tuan Yang di-Pertua? Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Kota Melaka nampaknya telah beralih daripada bercakap tentang usulnya kepada perkara-perkara yang terkandung di dalam Laporan PAC dan bukan bercakap atas masalah kelambatan tentang Laporan-laporan PAC seperti yang terdapat di dalam usul di hadapan kita ini.

Saya minta ruling daripada Tuan Yang di-Pertua, sama ada beliau telah keluar daripada konteks atau menyimpang daripada maksud perbincangan kita pada hari ini oleh kerana pada pandangan saya Mee Segera atau mee tidak segera tidak ada perkaitannya dengan laporan lambat atau cepatnya Laporan PAC.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan saya ialah contoh-contoh yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu adalah sebagai menghuraikan prinsip yang beliau utarakan. Contoh-contoh untuk menjelaskan atau menghuraikan prinsip-prinsip terhadap pendapat beliau bagaimana Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara harus

mengendalikan hal ehwal Jawatankuasa tersebut maka saya dapati ianya berkait dengan perkara-perkara itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu beri hujah-hujah kenapa kita sebelum menerima laporan PAC patutlah kita beri pandangan. Dan dalam perkara ini tadi saya ada sebut MINDEF dalam hujahnya ada berkata bahawa kontrak itu ialah untuk 52 perkara makanan dan bukan untuk satu perkara seperti Instant Mee, dan atas sebab itu bahawa harga lump sum dengan purata ada tender, ada diberi kepada penender yang berjaya. Dan di sini saya rasa apa Pengerusi PAC yang ada di sini hari ini komennya, saya rasa, sangat tepat. Dengan izin, muka surat 218:

"Overall price. So, if I charge \$5.00 for a \$2.00 item and 20 cents for a 50 cents item, my overall price would be lower than the next tenderer and I would get the contract, and the Supply Officer always order the heavy items so that the contractor makes fat profits."

Saya rasa ini benar dan apa yang berlaku. Tetapi apa yang sangat terperanjat ialah kita dapati bahawa sebharga untuk Instant Mee untuk Sabah yang terendah ialah satu peket 10 sen. Tetapi ini ditolak dengan sebab yang wajar oleh MINDEF.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi skandal sebenar yang lebih besar ialah cara MINDEF sampai sekarang sudah berjaya untuk stone-wall atau elak daripada tanggungjawab mengadakan satu siasatan yang sepenuhnya. Dan di sini kita dapati bahawa PAC Kelima dalam Lapornya ada mengakui bahawa sudah belanja 3 hari dalam perkara Instant Mee ini tetapi sampai sekarang tidak ada apa-apa hasil.

Dalam mesyuarat PAC September, 1981 pegawai-pegawai MINDEF telah memberitahu kepada PAC bahawa

Skandal Instant Mee telah dirujuk kepada NBI dalam Julai 1978 dan Pengarah Perbekalan yang bertanggungjawab mengenai perkara ini apabila ditanya oleh PAC kenapa tidak boleh menentukan sesiapa yang bertanggungjawab dalam kesilapan-kesilapan ini, jawabnya, dengan izin, "The NBI came and they siezed all my documents and they took away all my files". Tetapi selepas dua minggu, pada 25hb September apabila Pengarah BSN Sarawak, Abdul Wahid Shamsuddin memberitahu . PAC bahawa BSN tidak pernah menyiasat Skandal Mee Segera. Apa yang sebenarnya? Dan pada hari itu pun pegawai-pegawai MINDEF bersetuju dengan PAC mengadakan satu siasatan departmental dan masa itu mereka tidak bantah bahawa fail-fail sudah, diangkat oleh NBI, tidak ada fail untuk siasat, dan semua ini saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, sangat tidak memuaskan dan sesiapa yang membaca Laporan Verbatim PAC mendapat satu impression bahawa MINDEF atau pegawai-pegawai yang berkenaan dalam satu operasi, dengan izin, stone-wall dan passing the buck. Dan ini ada disahkan oleh Laporan PAC yang ke-6 ialah PAC kita dalam Laporan Kira-kira Wang Negara tahun 1978 dan 1979 yang dikemukakan dan dibentangkan kepada Parlimen pada 3-6-1983 perenggan 40, dengan izin, saya baca:

"Jawatankuasa mendapati maklumat yang diberi dalam perenggan 34 Memorandum Perbendaharaan ialah mengenai instant mee tidak sepenuhnya kerana tiada dinyatakan apa-apa keputusan atau pendapat Jawatankuasa Penyiasat yang telah ditubuh oleh . Kementerian Pertahanan pada 12-11-1981. Semasa membincang perkara ini pada 30-5-1983.

Jawatankuasa ini dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Penyiasat tersebut telah menyampaikan

laporannya kepada Ketua Setiausaha Kementerian Penahanan, akan tetapi pihak Kementerian atas alasan nasihat Pegawai Undang-undang telah memberilahu kepada Ketua Odit Negara bahawa isi kandungan laporan itu sebagai hasil dari penyiasatan Kementerian sendiri, adalah disifatkan sulit dan menjadi privileged document dan ini tidak boleh diberitahu kepada sesiapa di luar Kementerian Pertahanan."

Saya rasa ini sangat terperanjat dan tidak boleh diterima oleh kerana siasatan itu ditubuhkan atas arahan PAC, dan ini pun boleh dapat dalam verbatim proceedings, di mana KSU masa itu Tan Sri Datuk Mohamad Yusuff bin Abdul Rahman ada mengakui bahawa atas arahan PAC ditubuh Jawatankuasa Siasatan, mana boleh sekarang bahawa MINDEF datang dan mengatakan kepada PAC bahawa laporan itu ialah sulit. Ini saya rasa sebenarnya untuk menghalang tugas dan tanggungjawab PAC untuk menjalankan tugasnya dan pada pendapat saya MINDEF patut diberi dua minggu untuk mengemukakan Laporan Jawatankuasa Siasatan itu kepada PAC mengenai Skandal Mee Segera dan kalau tidak pegawai-pegawai yang berkenaan patutlah dihadapkan atas contempt of Parliament. Ini boleh menunjukkan kepada semua pegawai-pegawai Kerajaan bahawa PAC adalah serius, dengan izin, means business dan tidak akan membenarkan sesiapa untuk menghalang PAC menjalankan tugasnya termasuk alasan-alasan confidentiality.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*).

Saya rasa sangat mockery besar kepada prinsip Parliamentary Democracy dan kepada prinsip Kedaulatan Parlimen. Kalau satu

Jabatan Kerajaan boleh menafikan PAC hasil siasatan yang diarahkan oleh PAC atas sebab confidentiality, patuttah laporan itu dikemukakan kepada PAC dan terpulang kepada PAC dalam budibicaranya, kalau ada confidentiality sama ada mahu buat laporan atau publish. Saya rasa kalau prinsip ini tidak dikekalkan sangat susah untuk PAC atau Parlimen supaya memastikan prinsip accountability. Atas seriusnya perkara ini, saya cadang, Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan 28 kemukakan satu pindaan kepada Usul saya sendiri yang berbunyi:

"28. Jika seseorang ahli hendak mengubah isi-isi sesuatu usul yang terdiri dengan namanya, maka bolehlah diubahnya dengan menghantar kepada Setiausaha—dan ini saya baru buat satu pemberitahu meminda usulnya itu tetapi disyaratkan iaitu pindaan itu, pada timbangan Tuan Yang di-Pertua,—tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul itu pada perkara besar-besar. Pemberitahu meminta usul itu adalah mula berjalan daripada masa pemberitahu usul mula-mula."

Dan usul yang saya mahu kemukakan ialah bahawa di perenggan akhir tambah perenggan yang berikut:

"Memerhatikan selanjutnya perenggan 23.1 kepada 23.11 Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara mengenai Kira-kira Kerajaan Persekutuan untuk tahun 1977 serta perenggan 40, 41 dan 42 Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara mengenai Kira-kira Kerajaan Persekutuan untuk tahun 1978 dan 1979 dan memutuskan untuk memberi Kementerian "Pertahanan tempoh 2 minggu untuk mengemukakan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Laporan Jawatankuasa Penyiasatan Kementerian ke dalam Skandal Mee Segera dan sekiranya

gagal berbuat demikian pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan yang bertanggungjawab akan dihadapkan kerana menghina Parlimen (contempt)."

Boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua, atau mahu putuskan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebentar, kerana saya terpaksa memeriksa dahutu sama ada cadangan ini tidak sebagaimana syarat yang dikehendaki di bawah Peraturan 28, iaitu tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam Usul itu pada perkara-perkara besar-besar. Dukacitanya Yang Berhormat dari Kota Melaka hanya memberikan pindaan ini baru sahaja dan sepatutnya dia patut memberi awal sedikit supaya membolehkan saya memeriksa kerana ini bersangkutan dengan isi-isi Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara 1977 dalam perenggan 40, 41 dan 42.

**Tuan Lim Kit Siang:** Perkara ini oleh kerana surat ini baru siap, tetapi bolehkah saya kemukakan pindaan nanti. ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti saya beri keputusan dahulu, sama ada pindaan ini tidak bercanggah atau meliputi Peraturan Mesyuarat 28. Nampaknya cadangan ini hendak membuat satu lagi usul atau satu lagi keputusan iaitu untuk memberi Kementerian Pertahanan tempoh 2 minggu untuk mengemukakan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Laporan Jawatankuasa Penyiasatan Kementerian ke dalam Skandal Mee Segera dan sekiranya gagal berbuat demikian, pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan yang bertanggungjawab akan dihadapkan kerana menghina Parlimen.

Ahli Yang Berhormat. ....

**Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, atas apa Yang Berhormat bangun itu?

**Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Penjelasan!

**Tuan Yang di-Pertua:** Atas penjelasan.

**Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Berkenaan dengan usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Penjelasan kepada saya atau kepada Ahli dari Kota Melaka?

**Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Kepada Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya 12 copies. ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap, penerangan kepada saya atau kepada siapa-siapa lain?

**Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berkenaan dengan usul yang hendak dicadangkan oleh beliau sebenarnya tidak diperlu oleh kerana. ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap, dia sekarang sedang duduk, kita tidak boleh minta penerangan daripada dia kerana dia duduk, sekarang sedang menanti keputusan daripada saya sama ada perkara ini tidak bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat 28 atau tidak, saya membenarkan atau tidak. Jika penerangan untuk saya, saya akan dengar.

**Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya usul itu tidak diperlu oleh kerana 12 copies report ini sudah dikemukakan kepada PAC. Jadi saya hairan bahawa Ahli dari Kota Melaka tidak tahu bahawa report ini sudah dikemukakan pada 21-7-83.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, setelah saya membaca, maka saya dapati bahawa cadangan pindaan ini adalah bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat 28 dengan kerana usul asal ialah:

- (i) di atas perkara-perkara kelewatan, kelambatan hendak membentangkan laporan penuh dan tidak ada berkenaan dengan isi-isinya di dalam usul asal itu;
- (ii) memutuskan untuk menerima laporan penuh itu; dan
- (iii) mengarahkan Jawatankuasa Kira-kira Yang Keenam yang sekarang ini supaya menyiapkan kira-kira itu dan membentangkan semua laporan kepada Dewan Rakyat ini.

Jadi jikalau sekiranya kita hendak memasukkan satu perkara iaitu meminta satu Kementerian membuat apa-apa satu benda yang dalam isi kandungan laporan Jawatankuasa Kira-kira itu adalah bercanggah, pada fikiran saya dengan Peraturan 28. Jadi saya tolak permohonan pindaan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan mengenai penjelasan. Saya tidak tahu oleh kerana kita belum dapat laporan PAC selepas tempoh Jun, 1983 dan itulah antara satu masalah yang tadi saya timbulkan, tetapi sampai sekarang kita pun belum tahu apa hasil, apa terjadi kepada skandal instant mee ini. Sungguhpun begitu lama sudah lepas.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya mahu datang kepada bahagian yang akhir Usul saya iaitu saya rasa mustahak bahawa PAC sebagai custodian yang tertinggi accountability awam bahawa boleh mendapat kepercayaan dan bukan dianggap sebagai satu badan, dengan izin, satu joke, tidak ada gigi, tidak efektif keluaran .laporan-laporan yang beberapa tahun yang tidak ada sesiapa yang ada berminat dan berkesan.

Di sini ada satu kes yang adanya m menunjukkan sungguhpun ada syor-syor bahawa tindakan diambil terhadap seorang pegawai di dalam Kementerian Perusahaan Awam oleh kerana daripada kecuaiannya menyebabkan Kerajaan dan negara merugikan \$20 juta tetapi tidak ada apa-apa tindakan dibuat dan sampai sekarang beliau sudah menjadi Assemblyman, Ahli Dewan Undangan Negeri di Sarawak, namanya Adenan bin Satem. Tentulah patut ada tindakan-tindakan, jalan-jalan yang boleh diadakan semacam mengadakan proceeding civil terhadapnya atau sekurang-kurangnya oleh kerana Assemblyman bahawa beliau faham tanggungjawab moralnya untuk buat ganti rugi perkara ini khasnya apabila kita faham beliau bakal Menteri Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau PAC mahu sebuah badan yang efektif, dengan izin, watchdog, saya rasa PAC haruslah boleh, dengan izin, "put the fear of God" dalam pegawai-pegawai Kerajaan dan senjata terbesar ialah publicity supaya boleh bongkar semua incompetence, kecuaiannya dan lain-lain ketidak-patutan yang berlaku, pegawai-pegawai pada masa itu, Parlimen dan Kerajaan saya rasa "penny-wise and pound foolish" oleh kerana kalau Parlimen dan PAC mendapat peruntukan yang cukup supaya menjalankan tugasnya dengan efektif mungkin boleh menjimatkan wang negara bukan berjuta-juta

ringgit tetapi beratus-ratus juta ringgit. Atas sebab itu saya mahu kemukakan beberapa syor supaya membolehkan, membolehkan PAC menjadi satu custodian yang berefektif dalam perkara ini.

- (1) Komitmen Kerajaan dan Parlimen memperuntukkan wang-wang yang cukup supaya PAC Parlimen boleh menjalankan tugasnya sebagai custodian termasuk boleh mencetak laporan-laporan dengan cekap.
- (2) Bahawa mengadakan proceeding PAC terbuka dan mengadakan penyata laporan harian yang diumumkan. Praktis sekarang di mana laporan verbatim yang sepenuhnya barulah siap selepas semacam laporan ini, selepas 16 hari mesyuarat hendak diadakan pada tahun 1981 dan begitu tebal 730 muka selepas empat tahun, siapa mahu baca dan tengok, sudah hilang relevancy dan kalau mengadakan penyata laporan hari-hari mesyuarat PAC ini pun akan memudahkan mencetak laporan yang sepenuhnya dengan laporan syor-syor PAC dan ketiga mengadakan laporan penyata hari-hari yang terbuka akan, dengan izin, "put the fear of God" dalam pegawai-pegawai oleh kerana mereka tahu mereka tidak boleh lari daripada laporan. Sekarang boleh tunggu tiga, empat tahun mereka tidak ada di sana lagi, tidak apa.
- (3) Saya syorkan bahawa selepas laporan PAC dibentangkan dalam Parlimen Perbendaharaan dalam satu minggu patut membentangkan Memorandum dan supaya dalam dua minggu boleh adakah

perhahasan dalam Dewan Rakyat. Mungkin Peraturan-peraturan Mesyuarat perlu dipinda tetapi saya percaya bahawa usul-usul yang tersebut boleh memastikan bahawa PAC kita menjadi satu institusi yang bererti.

Dalam Usul saya, saya ada mencadangkan bahawa PAC kita, PAC Parlimen yang Keenam janganlah buat kesilapan-kesilapan PAC dahulu dan memastikan laporan-laporan PAC yang Keenam boleh siap sedia untuk Parlimen yang Keenam sebelum pembubaran Parlimen yang Keenam. Kalau tidak saya rasa inilah satu kecauaian, satu tanggungjawab yang tidak ditunaikan dan khasnya apabila kita semua tahu pilihanraya besar mungkin tidak lama lagi dan oleh sebab itu ada urgency supaya apa-apa laporan yang sudah disiapkan oleh PAC Dewan Rakyat Keenam baik pun apa-apa cara bentangkan sebelum pembubaran Parlimen yang Keenam supaya dalam Parlimen yang Ketujuh PAC yang keenam tidak, dengan izin, "return from the dead" untuk bentangkan laporan itu.

4.48 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka kerana kewujudan tanggungjawab awam dan disiplin kewangan menurut prosedur kewangan yang diadakan di Dewan yang mulia ini merupakan satu Usul yang sangat mustahak dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita semua lihat tadi kerana tidak ada laporan PAC yang terakhir di dalam Dewan yang mulia ini, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak dapat mengetahui apa yang berlaku

semenjak tahun 1977. Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara berkenaan laporan Ketua Audit Negara bagi kira-kira Kerajaan Persekutuan tahun 1977 telah dicetak dan dibentangkan dalam Mesyuarat ini sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka selepas satu tempoh masa selama 8 tahun.

Saya hendak menekankan di sini bahawa tempoh ini jelas menunjukkan betapa sukarnya untuk mewujudkan keadaan kewangan yang berdisiplin dan pertanggungjawapan yang sempurna. Menurut Ketua Audit Negara, para pentadbir dipertanggungjawabkan supaya melaksanakan janji-janji pada rakyat. Mereka ini terpaksa memenuhi dua bentuk pertanggungjawapan iaitu tanggungjawab menerima dan membelanjakan wang (financial accountability) dan (performance accountability) iaitu pertanggungjawapan prestasi yang menyabitkan darjat pencapaian berbagai-bagai matlamat yang telah dibentangkan ketika sesuatu projek atau aktiviti Kerajaan dilaksanakan. Sejauh manakah para pentadbir telah menepati janji-janji mereka kepada rakyat dari segi pertanggungjawapan kewangan dan pertanggungjawapan pencapaian matlamat jelas dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara di dalam setiap laporan Ketua Audit Negara. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara selaku simbol keagongan Parlimen serta unsur kawalan perundangan terhadap cawangan eksekutif Kerajaan merupakan suatu aiat yang berkuasa untuk meningkatkan pertanggungjawapan sektor awam. Laporan yang telah dibentangkan oleh Jawatankuasa ini berkenaan dengan Laporan Ketua Audit Negara harus diteliti dengan mendalamnya supaya penyelewengan yang wujud pada tahun 1977 tidak akan berterusan sehingga tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ketidak cekapan para pegawai pengawal dan pegawai akaun telah menambahkan kerja Ketua Audit Negara yang perlu memberi banyak ulasan di dalam sijil-sijil auditnya bagi penyata kewangan tahunan. Perkara ini sudah tidak asing lagi di dalam perakaunan Kerajaan baik di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat Negeri. Ianya merupakan satu peristiwa yang berlaku sebelum clock work, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun, sehingga hari ini masalah ini masih wujud. Sikap acuh tak acuh para pegawai pengawal dan pegawai akaun dalam penyediaan penyata kewangan untuk pemeriksaan oleh pihak Ketua Audit Negara harus dikikis.

Penyata Kewangan adalah suatu dokumen yang sangat mustahak untuk "menganalisis" darjat pencapaian matlamat-matlamat setiap projek atau aktiviti tahunan di samping membuktikan pertanggungjawapan kewangan pihak berkenaan terhadap sumber kewangan Kerajaan dengan mengemukakan satu penyata kewangan tahunan yang mempunyai banyak kesilapan di samping kehilangan kertas-kertas kerja yang perlu. Jadual-jadual mengenai akaun-akaun kecil dan rekod-rekod dan penyata-penyata penyesuaian yang berkenaan bukan sahaja menjejaskan ketetapan pengauditan pihak Ketua Audit Negara tetapi juga mungkin menimbulkan kesangsian terhadap kejujuran, pertanggungjawapan kewangan serta performance accountability, dengan izin, pihak yang berkenaan. Kelewatan menyerahkan penyata-penyata tersebut tidak haruslah timbul kerana proses penyemakan dan pengesahan seharusnya dilakukan setiap bulan.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara atas akaun Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1981 beliau

telah melaporkan bahawa hanya 26 dari 50 pegawai pengawal yang telah menyerahkan penyata-penyata akaun belum terima dari yang diterimu 4 adalah tidak lengkap di samping penyata-penyata tahunan bagi kira-kira Kumpulan Wang Amanah untuk pengauditan dari pihak-pihak seperti Akauntan Negara, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan Kementerian Pelajaran. Perkara ini juga sering berlaku di peringkat Kerajaan Negeri. Akibatnya gambaran kedudukan kewangan Kementerian-kementerian yang tepat sukar didapati. Tambahan pula Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara telah mendapati bahawa kira-kira penyelesaian disalahgunakan setakat banyaknya pengurusan pertambahan yang telah dikendalikan melalui kira-kira ini yang mana telah tidak dianalisis dan diselesaikan—telah dibiarkan tidak selesai bagi tempoh yang berpanjangan. Kadangkala sejak beberapa tahun dahulu, contohnya dalam Laporan Ketua Audit Negara atas akaun Kerajaan Persekutuan 1981 pihak Ketua Audit Negara telah mendapati bahawa:

- (a) Lebih kurang \$12.28 juta yang terhutang kepada lam-lain pentadbiran sepatutnya diambil kira di dalam akaun semasa antara pentadbiran.
- (b) Pengiriman wang tunai oleh Akauntan Negara berjumlah \$43.5 juta - sepatutnya diselaraskan kepada akaun wang tunai pada akhir tahun.
- (c) Pengiriman wang tunai berjumlah \$2.5 juta di antara pejabat-pejabat kewangan kawasan sama ada tersalah rekod atau tidak diperakunkan di dalam rekod-rekod Akauntan Negara.
- (d) Urusniaga-urusniaga berkenaan dengan akaun-akaun kena bayar berjumlah \$17.2 juta

debit dan \$74.9 juta credit tidak dapat diperselaraskan kepada akaun-akaun yang berkaitan.

- (e) Wang dalam perjalanan berjumlah \$14.5 juta yang diterima oleh Jabatan Kerjaraya dan \$2.9 juga oleh jabatan cawangan Akauntan Negeri Perak tidak diperselaraskan dengan akaun yang berpatutan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bercakap di bawah usul tentang mana itu? Dengan kerana salah satu daripada bunyi usul ini ialah yang hendak menerima Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Dewan Rakyat yang Kelima. Jika hendak terima, bagaimanakah Yang Berhormat itu hendak mengkritik isinya?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, di sini saya bagi satu contoh bagaimana kita hendak mempertimbangkan usul ini dan mempertimbangkan isi kandungan di dalam Laporan PAC ini, sebab itulah saya bagi satu contoh yang bernas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi jikalau contoh-contoh itu bercanggah dengan usul, bagaimana Yang Berhormat hendak menyokongnya, dalam usaha menyokong bahawa laporan penuh ini diterima.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membangkitkan di sini satu iaporan ucapan Ketua Audit Negara mengenai tugas Jawatankuasa untuk pertimbangan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah, soalnya tugas Jawatankuasa itu tidak ada dalam usul ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, tugas Jawatankuasa ini yang mewujudkan hasil daripada tugas Ahli-ahli Jawatankuasanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba berucap berkenaan dengan usul di hadapan kita ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya nampak di dalam isi kandungan Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini kerana terlalu lewat . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang itu boleh diucapkan sebagai misalnya, sila.

**Dr Tan Seng Giaw:** Kalau kita hendak membincangkan dengan membina maka contoh-contoh yang akhir ini kerana tindakan tidak diambil mengikut apa yang terkandung di sini. maka wujudnya kesilapan dan penyelewengan di dalam tahun-tahun yang berikutnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan supaya jangan terkeluar daripada usul ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan satu contoh lagi mengenai ketidak cekapan yang beriak selepas Laporan ini iaitu mengenai tunggakan bayaran balik yang terhutang kepada Kerajaan Persekutuan terhadap beberapa pinjaman berjumlah \$76.52 juta pada penghujung tahun 1977.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa tidak bersangkut dengan usul ini. Usul kesal menerima dan mengarahkan **Dewan** yang Keenam ini supaya membentangkan semua laporannya dalam umur Parlimen yang Keenam ini juga.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam beberapa contoh yang tersebut di dalam Laporan PAC ini kita mendapati bahawa pertanggungjawaban kewangan dan pertanggungjawaban prestasi di kalangan Pegawai Pengawal serta Pegawai Akaun amatlah menyedihkan. Sikap mereka ini jelas

menunjukkan sikap tidak peduli terhadap kewajipan mereka kepada rakyat untuk mengesyorkan kejayaan projek-projek atau aktiviti-aktiviti malahan sumber modal negara kita kadangkalanya dibazirkan ataupun hilang tanpa apa-apa kesan.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara . . . . .

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 36 (1) nampaknya Ahli Yang Berhormat masih lagi menyimpang jauh daripada tajuk usul yang asal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya pun bersetuju juga. Sudah tiga kali saya meminta dia jangan berucap di luar daripada yang di dalam usul. Kalau ada dalam usul ini menyatakan perkara-perkara yang tidak boleh ditunaikan atau apa-apa benda yang tidak ditunaikan akan dibincangkan, itu tidak mengapa. Jadi apa yang disebut dalam usul ini bahawa laporan itu diterima. Jika sudah diterima, maknanya eloklah. Kalau sudah elok itu, bagaimanakah Ahli Yang Berhormat hendak menyatakan dalam isinya itu tidak elok? Saya harap Yang Berhormat itu jangan bercakap terkeluar daripada usul ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita menerima usul ini, maka lebih tepatlah saya menghuraikan apa yang hendak dibuat dan terpaksa dibuat cadangan-cadangan yang bernas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, boleh jika sekiranya hendak beri cadangan supaya Jawatankuasa yang baru ini jangan melambatkan cara-cara, itu boleh, itulah pointnya. Kalau keluar

daripada itu hendak kata dalam ini banyak yang tidak kena, itu bukan pointnya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Dewan ini menerima usul ini, saya hendak menekankan di sini cadangan-cadangan yang perlu dibuat oleh Ketua Audit Negara supaya dipertimbangkan iaitu sama ada Jawatankuasa patut membahagikan tugas kerjanya di antara beberapa jawatankuasa kecil supaya penyata-penyata dan laporan-laporan atas jabatan-jabatan dan badan-badan berkanun dan anak-anak syarikatnya dapat diperiksa dengan lebih mendalam.

Yang kedua, sama ada Parlimen patut menubuhkan beberapa jawatankuasa tetap yang akan meneliti dengan mendalam dasar-dasar dan kegiatan-kegiatan Kementerian-kementerian agar jawatankuasa-jawatankuasa khas bagi beberapa sektor ekonomi dan tugas-tugas Kerajaan boleh mengkaji dasar-dasar dan masalah-masalah tertentu secara khusus dan bekerjasama dengan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara untuk membuat syor-syor yang membina bagi maksud meningkatkan mutu pengurusan wang awam.

Yang ketiga, sama ada Jawatankuasa-jawatankuasa Parlimen patut mendapat perkhidmatan urusetia khas untuk membantu Ahli-ahlinya dalam urusan-urusan mesyuarat jawatankuasa seperti menyediakan kertas-kertas kerja, ringkasan laporan-laporan yang hendak dipertimbangkan olehnya dan menyiapkan laporannya kepada Parlimen.

Saya berharap Dewan yang mulia ini dapat mempertimbangkan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ketua Audit Negara dan daripada isi kandungan ini, daripada akaun-akaun, kira-kira

Kerajaan Persekutuan tahun 1977 didapati bahawa kebanyakan syor-syor yang dikeluarkan oleh Ahli-ahli PAC dan Pengerusi PAC ini tidak diikuti, tidak diindahkan dengan baik. Ini adalah satu sikap yang tidak betul, satu sikap yang tidak patut timbul. Saya berharap tiap-tiap Ahli Yang Berhormat dapat meneliti apa yang terkandung di dalam Laporan ini dan seterusnya memainkan peranan untuk membuat penyusunan dan sebagainya supaya penyelewengan-penyelewengan yang timbul ini tidak lagi berulang.

Tambahan pula, satu sikap daripada setengah-setengah Ahli Yang Berhormat di sini seperti Ahli dari Ulu Terengganu yang tidak mahu membantu PAC dan tidak mahu memainkan peranan yang lebih positif untuk mengadakan satu pertanggungjawaban awam yang lebih sempurna di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa PAC adalah simbol keagungan Parlimen. Di kebanyakan negara yang lain, orang ramai dibenarkan turut serta dalam pemeriksaan yang dilakukan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Oleh kerana di Malaysia perkara ini tidak mungkin berlaku, maka Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara merupakan wakil kepentingan orang ramai. Ianya tidak harus menjadi wakil sekumpulan kecil masyarakat. Di takat ini saya ingin menyarankan supaya Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara mahupun di peringkat negeri ataupun di peringkat kebangsaan seharusnya seorang ahli Parti Pembangkang yang bertanggungjawab. Pengerusi tersebut juga seharusnya mempunyai pengetahuan serta pengalaman dalam bidang ini.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang wujud pada masa ini perlu berunding dengan pihak parti

politik yang memerintah jika ianya ingin memulakan inisiatif untuk menyasat kes-kes penyelewengan yang disyaki. Ini dapat membuktikan di dalam laporan yang di depan kami semua bahawa Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara seharusnya mempunyai darjat kebebasan yang lebih luas, bukan setakat sekarang kebebasannya terhad dalam perahannya sebagai pengawal (watch dog) sektor awam.

Tindakan setakat memberi syor-syor serta menimbulkan persoalan-persoalan adalah tidak mencukupi jika tidak diikuti dengan tindakan yang tegas dan konkrit untuk meningkatkan tingkat pertanggungjawapan kewangan dan pertanggungjawapan prestasi dalam negara. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara patut diberi lebih banyak kebebasan untuk menyasat kes-kes penyelewengan agar kes-kes seperti Skandal BMF tidak akan berulang di dalam ekonomi kita. Seharusnya setiap ringgit wang rakyat terpaksa mengikut maksud yang telah diluluskan di dalam Dewan Rakyat ini. Hanya dengan cara begini barulah Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dapat melaksanakan tugasnya sebagai watch dog kepada tahap yang lebih tinggi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka membangkitkan di sini, bahawa walaupun banyak perbincangan dan dialog diadakan di dalam laporan ini, akan tetapi kerana masa daripada perkara-perkara dibangkitkan di dalam Jawatankuasa dan tempoh yang diambil untuk dicetak dan di kemukakan di dalam Dewan yang mulia ini terlalu panjang, banyak pegawai-pegawai yang terlibat sama ada yang berdosa ataupun yang tidak berdosa susah hendak dikesan. Sebab itulah kami di dalam DAP berpendapat bahawa tiap-tiap laporan PAC ini hendaklah dikemukakan di sini dengan segera. Misalnya sekarang

sudah tahun 1985, sepatutnya perkara-perkara yang berlaku pada tahun 1983 terpaksa dibentangkan di sini iaitu dua tahun selepas kejadian kes-kes itu dan akhirnya saya sekali lagi menyokong usul Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sekian, terima kasih.

5.15 ptg.

**Dato Lee Boon Peng (Mantin):** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya saya pun tiada tahu Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dalam usulnya mengkritik kelewatan memberikan laporan yang penuh kepada Parlimen atau memuji peranan yang dimainkan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Itulah barangkali Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mencari jalan bukan mengkritik Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara tetapi mengkritik Kementerian-kementerian yang lain yang ada di dalam laporan ini khususnya Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyentuh perenggan 4 muka 2 dalam laporan yang saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara membentangkan di Dewan yang mulia ini pada 8hb Disember, 1981. Ini mengikut satu penyiasatan yang secara mendalam oleh Jawatankuasa kita, selepas Ketua Audit Negara telah membentangkan Laporan Audit di Dewan ini pada 9hb Jun, 1981 di mana kita telah bermesyuarat lebih kurang 16 hari dalam bulan September. Oleh sebab ada banyak syor-syor Jawatankuasa kita yang penting yang patut diberitahu kepada rakyat, kami di dalam Jawatankuasa memutuskan membuat satu laporan tanpa nota-nota penerangan atau, dengan izin, verbatim report of the minutes of the proceedings, oleh sebab ada beberapa perkara yang penting. Itu ada di dalam Kertas Statut DR. 4/1981 yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini pada 8hb Disember, 1981.

Jikalau sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka barangkali masa itu dia sudah tidur, pada hari ini dia sudah bangun, dia ada kesilapan. Jikalau dia membantah laporan ini yang dibentangkan dalam Dewan ini tanpa verbatim, patutlah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun pada 8hb Disember, 1981 membantah laporan ini. Dewan ini tidak payah terima laporan ini mengikut Standing Order. Dalam Standing Order ini, ada satu peruntukan di mana jikalau seseorang Ahli di Dewan ini akan menerima satu laporan yang dibentangkan di dalam Dewan ini patutlah buat satu usul dalam dua hari notis. Dan jikalau dia bantah itu patutlah buat satu usul. Inilah laporan setengah "naked", ini tidak complete, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi oh, dia kata sekarang ada banyak perkara mahu mengkritik itu, Kementerian ini Kementerian itu ada beberapa syor dalam itu. Semuanya ada dalam sini. Tidak payah tengok laporan verbatim itu. Ini ada satu summary di mana jikalau kita mahu mengkritik Kementerian apa-apa butir-butir pun ada dalam laporan ini. Jikalau kita mahu tunggu laporan verbatim itu, Ahli-ahli Yang Berhormat pun tahu jugalah jikalau . . . . .

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap. Ada yang bangun. Atas apa Yang bangun?

**Tuan Sim Kwang Yang:** Minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Mantin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta penjelasan. Sila.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, berikut dengan Peraturan Mesyuarat 86 (3). Saya membaca:

"A report or special report together with the minutes of the proceedings of a Select Committee and the

minutes of any evidence taken before the Committee shall be . . . . ." Bukan "may be", ". . . . presented to the House to the Chairman or other member deputed by the Committee . . . . "

Adalah jelas bahawa verbatim report serta perakuan-perakuan dan syor-syor yang dikemukakan oleh PAC haruslah dibentangkan bersama-sama.

**Dato' Lee Boon Peng:** Terima kasih, itulah satu laporan verbatim yang banyak sekali nota-nota keterangan. Ahli Yang Berhormat dari Pembangkang bolehlah pada 8hb Disember, 1981 mengikut peraturan yang dikatakan tadi bantah laporan ini kenapa pada hari itu tidak buat apa-apa. Baru hari inilah "come back from the dead" saya katakan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka (*Ketawa*). Itulah satu. Oleh sebab pada tahun 1981 di perenggan 4 kita sudah buat demikian dan alasan sudah diberitahu di dalam perenggan sini demi untuk kepentingan menyampaikan laporan kami dalam masa yang patut dan sewajarnya. Kami dengan ini mengemukakan satu laporan mengenai penyiasatan dan syor-syor kami dalam satu dokumen berasingan tanpa menunggu penyampaian nota-nota keterangan penyiasatan itu kerana ia akan mengambil masa untuk disiapkan. Jikalau Ahli Yang Berhormat dari Pembangkang tidak menerima alasan ini, barangkali bila-bila sudah dapat satu statut yang dibentangkan di dalam Dewan ini, berapa banyak Ahli-ahli Yang Berhormat pun tidak menyiasat apa paper ada dalam sini juga. Sekarang baru bangun.

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, penjelasan?

**Tuan Sim Kwang Yang:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta penjelasan daripada Ahli Yang

Berhormat dari Mantin sama ada beliau sekarang berucap sebagai seorang Ahli Yang Berhormat biasa sahaja ataupun sebagai bekas Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara? Oleh kerana mengikut Peraturan Mesyuarat 86 (3) hanya seorang Pengerusi ataupun Timbalannya boleh mengemukakan laporan Jawatankuasa itu. Dan saya ingin tahu daripada Ahli Yang Berhormat dari Mantin, adakah laporan verbatim ini dibentangkan kepada meja Dewan Rakyat ini oleh Ahli Yang Berhormat dari Mantin ataupun oleh Pengerusi yang ada sekarang iaitu Yang Berhormat dari Kemaman?

**Dato' Lee Boon Peng:** Tuan Yang di-Pertua, pada 8hb Disember, 1981 saya menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Saya bantangkan laporan ini tanpa verbatim. Itu satu keterangan yang benar. Saya sebagai Ahli biasa di dalam Jawatankuasa di penggal yang keempat tahun 1974 sehingga tahun 1978 di mana jikalau tidak salah saya, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ialah seorang Ahli yang biasa juga. Tetapi dalam penggal itu, tidak pernah nampak dia menghadiri apa-apa mesyuarat dalam Jawatankuasa itu (*Tepuk*). Itu adalah satu hakikat yang benar . . . . .

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Bangun atas apa Yang Berhormat dari Bandar Kuching?

**Tuan Sim Kwang Yang:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penjelasan, ya. Yang Berhormat dari Mantin, hendak benarkan dia beri penjelasan?

**Dato' Lee Boon Peng:** Ya.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Ini sikap yang betul. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Mantin belum

menjawab soalan saya. Oleh kerana mengikut Peraturan Mesyuarat 86 (3), Yang Berhormat dari Mantin sebagai bekas Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bertanggungjawab untuk mengemukakan bukan syorsyor dan perakuan-perakuan sahaja tetapi juga laporan verbatim ini. Inilah bukti bahawa Ahli Yang Berhormat dari Mantin telah cuai dan gagal dalam tugasnya untuk mengikut peraturan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bukan minta penjelasan. Itu buat tuduhan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Bukan buat tuduhan. Saya meminta dia menolak tuduhan saya.

**Dato' Lee Boon Peng:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menjelaskan apa yang saya bentangkan dalam Dewan ini sebagai Pengerusi ialah iaporan ini pada 8hb Disember, 1981. Ini ialah saya punya laporan complete with the verbatim, dengan izin. Jikalau ini ada tulis di sini "Dicetak dengan perintah Dewan Rakyat 2hb Disember, 1981", itu ialah laporan telah diterima oleh Dewan Rakyat. Akan tetapi laporan verbatim belum ada lagi. Jikalau sekarang, Tuan Yang di-Pertua, ada satu keadaan di mana satu Jawatankuasa, satu Select Committee, Jawatankuasa Pilihan telah mesyuarat pada bulan Januari dan habis itu bersidang dan belum lagi memutuskan taporan, sudah ada pilihanraya besar. Habis itu langsung semua "Members" itu tidak ada lagi sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat, macam mana dia boleh buat laporan? Jikalau Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dia pun seorang Ahli biasa di dalam penggal 1974 sehingga 1978 di mana saya tidak nampak, saya tidak pernah nampak dia hadir dalam mesyuarat Jawatankuasa itu (*Tepuk*). Kalau dia ada hormat kepada Select Committee . . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun. Dia bangun hendak minta apa?

**Dr Tan Seng Giaw:** Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta penjelasan, silakan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat dari Mantin ini dia sebagai Pengerusi tidak dapat menjalankan tugas kerana dia . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta penjelasan. Jangan kritik dia.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya, sama ada Yang Berhormat dari Mantin ada mengambil langkah yang positif untuk memastikan percetakan ini dijalankan dengan lancar dan dikemukakan dengan lebih awal lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Dato' Lee Boon Peng:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat khususnya Peraturan Mesyuarat 77 ada sebutkan apa-apa kewajipan saya di dalam Jawatankuasa ini. Jikalau Tuan Yang di-Pertua lihat Peraturan Mesyuarat 77: Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dilantik pada awal tiap-tiap Parlimen kerana memeriksa sahaja, tidak bilang kita mahu buat, cari report of proceedings itu hantarkan ke Jabatan Percetakan. Itu tidak! (*Ketawa*). Itu bukan tugas kita. Kita memeriksa kira-kira sahaja dengan kakitangan dari Parlimen, kita bukan "thamby" mahu cari itu barang angkat pergi Jabatan sana (*Ketawa*).

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan lagi. Kalau begitu, mengapa Yang Berhormat dari

Mantin hendak menuduhkan pihak kami kerana membangkitkan kelewatan ini? Kalau setakat buat kerja Pengerusi sahaja, lepas itu balik tidur, kemudian mengapa dia hendak menuduh pihak kami kerana membangkitkan perkara-perkara kelewatan ini?

**Dato Lee Boon Peng:** Tuan Yang di-Pertua, itu terpulang kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Kita tidak tidur. Jikalau ada tidur, macam mana boleh dapat satu buku macam ini tebal . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan tidur, tuduh!

**Dato Lee Boon Peng:** Itulah, Tuan Yang di-Pertua. saya pun tidak tahu.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta penjelasan lagi?

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tadi Yang Berhormat dari Mantin ada mengatakan Ahli dari Kota Melaka menjadi Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini dan tak pernah hadir tahun 1974-1978. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Ahli dari Kota Melaka ini tidak bertanggjawab?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa soalan itu tidak bersangkutan dengan usul di depan kita, saya tak benarkan. Silakan Wakil dari Mantin.

**Dato' Lee Boon Peng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Itulah penjelasan saya oleh sebab ada beberapa perkara yang ada dibangkit dalam laporan saya. Oleh sebab itulah laporan saya di dalam tahun 1981 tidak ada mengandungi verbatim. Lepas apa-apa kritik kita ada di mana kita ada panggil beberapa Kementerian di hadapan kita saya percaya prestasi Kerajaan sudah baik, sudah naik meningkat lagi, sekarang jikalau kita

boleh lihat Penyata Kewangan (Financial Statement) untuk tahun 1983 dan bandingkan dengan Financial Statement untuk tahun 1979 boleh nampak the difference. Jadi, kita di dalam Jawatankuasa itu nampak ada beberapa perkara yang sudah dibaiki, khasnya Off-Budget Agencies di mana kita tekan bukan main, sekarang berapa orang sudah tahu apa peranan yang dimainkan oleh Off-Budget Agencies. Itulah peranan yang dimainkan oleh Ahli-ahli dalam Jawatankuasa saya, bukan saya sahaja ada jalankan tugas tetapi saya ada dapat sokongan yang kuat dari tiap-tiap ahli sana, itu termasuklah patut saya cakap, Encik Patto, bekas Ahli Parlimen, bukan macam Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tak pernah nampak di dalam Jawatankuasa pada tahun 1974.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak menjawab?

5.33 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama nampaknya Yang Berhormat dari Mantin tidak faham isi ucapan saya dan nampaknya beliau menganggap usul ini sebagai satu, dengan izin, "personal affront". Apa saya cakap dalam ucapan saya ialah bahawa niat PAC Kelima di mana Yang Berhormat dari Mantin menjadi Pengerusi kemukakan laporan perakuan berasingan dengan laporan verbatim niat yang baik, saya ada cakap dalam ucapan saya, tetapi yang pertama cara ini bukanlah cara yang baik untuk mengatasi masalah di mana laporan PAC sepenuhnya boleh dikemukakan kepada Parlimen supaya Parlimen ada peluang sepenuh untuk faham proceeding PAC yang bukan sahaja syor-syor, tetapi juga proceedings pendengaran-pendengaran.

Kedua, tidak boleh dinafikan bahawa keadaan di mana laporan verbatim tersebut tidak dibentang

dalam Parlimen Kelima dan saya tidak salahkan beliau sebagai Pengerusi atau salah sesiapa apabila Yang Berhormat dari Ulu Terengganu ada timbul saya ada kata itu satu masalah yang semua patut bertanggungjawab. Tujuan saya bangkitkan hari ini ialah bahawa memastikan perkara ini tidak berlaku lagi supaya kita ada satu Parlimen yang lebih efektif, lebih berkesan yang boleh mendapat kepercayaan dan keyakinan rakyat jelata. Saya sebenarnya tak faham apa sebab, dengan izin, "outburst" Yang Berhormat dari Mantin selain daripada dia semacam tak faham apa yang saya kemukakan dan apabila Yang Berhormat dari Kepong kata tuduh, dia kata tidur, itulah mungkin sebabnya. Tujuan saya ialah mengharap bahawa PAC yang dikemukakan "relevant", termasuk proceeding verbatim relevant di mana boleh digunakan sebagai satu alat menentukan Jabatan-jabatan Kerajaan bertanggungjawab atau "accountable" kepada rakyat.

Apabila laporan yang tersebut dikemukakan atau dibentang di atas meja pada 8hb Disember, 1981 kita tidak tidur semacam dianggap atau disangka oleh Yang Berhormat dari Mantin dan kalau kita boleh ikut tengok tarikh berlaku, kita boleh tahu mungkin itulah tarikh yang terakhir Session Budget untuk tahun 1981, tetapi kita menerima sebab-sebab kenapa satu laporan syor-syor dikemukakan dahulu sebelum verbatim proceeding siap tetapi patut siap dalam sidang itu, siap pada Parlimen Kelima itu supaya bahawa suara daripada si mati tidak datang ke Parlimen yang kemudian untuk didengar.

Di sini saya rasa Yang Berhormat dari Mantin, dengan izin, "hit below the belt" dan saya tak mahu cabar dia, dia orang tua nanti "heart attack" pun tak guna. Kalau dia benar-benar boleh kata bahawa saya tak pernah

menghadiri apa-apa sidang PAC di mana saya menjadi anggota, kalau tak silap sebelum 1974, saya boleh "take him on", dengan izin, di luar, challenge apa itu, tetapi itulah seorang orang tua yang mahu melepaskan perasaan, biarkan kepada dia.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Minta jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta jalan, Yang Berhormat dari Kota Melaka.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, boleh.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini telah mendengar satu tuduhan yang mengatakan bahawa Ahli dari Kota Melaka tidak pernah hadir dalam sidang PAC yang lepas yang dia menjadi ahlinya. Tuduhan telah dibuat dan Dewan ini berhak mendengar jawapan yang tegas daripada Ahli dari Kota Melaka sama ada tuduhan ini benar atau tidak oleh kerana beliau dilantik di dalam Jawatankuasa itu oleh Dewan ini dan kita mahu mendengar "accountability" dia kepada Dewan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Speaker, kata "simple" sahaja. Apabila kata saya tak mahu cabar Yang Berhormat dari Mantin, orang tua, saya rasa itu tak benar, itu sangat straightforward. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu perlu semua dispelled out, saya rasalah apa yang saya kata tadi nampaknya kebolehan untuk faham ada masalah.

Dan sungguhpun printing atau mencetak—saya tidak pernah kata bahawa printing atau mencetak laporan verbatim PAC ialah tanggungjawab Pengerusi PAC, Yang Berhormat dari Mantin masa itu, bahawa beliau mengikut perkataannya mahu jadi "thamby" untuk menentukan laporan diterbit, tetapi kita tidak boleh lari daripada masalah

di mana Laporan PAC Parlimen Kelima lak siap untuk Parlimen Kelima.

Baru-baru ini pun kita menghadapi masalah di mana Rang Undang-undang untuk Dewan ini tak siap untuk urusan Dewan dijalankan. Kita semua pun tak boleh kata itu, kita tak bertanggungjawab, ini bukan tanggungjawab saya, itu tak tahulah, siapa tanggungjawab. Itu satu masalah dan sebagai satu institusi, sebagai Parlimen kita secara kolektif bertanggungjawab, tetapi bukan kata saya tak tanggungjawab, saya tak hirau siapa tanggungjawab, itu hal bukan masalah saya, khasnya Rang Undang-undang, printing dan sebab itu dalam ucapan saya, saya ada kemukakan beberapa syor bahawa commitment Kerajaan, bahawa commitment Parlimen perlu supaya peruntukan cukup diberi di mana tugas-tugas, urusan-urusan Parlimen boleh dijalankan tanpa halangan, tanpa menafikan atau menghalang objektif ditunai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Usul saya benar saya ada bercadang bahawa Dewan ini menerima laporan penuh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Dewan Rakyat yang Kelima. Tetapi sungguhpun saya kata begitu; itu tidak bermakna kita tidak ada pandangan-pandangan atau kritik-kritik mengenai cara, mengenai kelewatan, mengenai masalah-masalah yang timbu! oleh kerana kelewatan. Tetapi pada keseluruhannya kita rela, sanggup menerima atau mencadang penerimaan laporan itu.

Sungguhpun kita ada banyak, dengan izin, reservation, khasnya satu laporan daripada masa yang sudah lepas dan ini sepatutnya menjadi satu perkara kepentingan Parlimen—bukan kepentingan parti-parti atau individu-individu. Dan saya tidak tahulah sama ada Usul ini akan berkesan supaya sebelum pembubaran

Parlimen yang Keenam ini bahawa PAC yang Keenam boleh melengkapkan dan membentangkan semua laporan-laporan yang sedia ada tetapi kalau kita tak sanggup buat begitu, kita mesti mengakui bahawa kita ada kelemahan-kelemahan yang kita tidak boleh mengatasi dan kalau Parlimen tidak boleh mengatasi kelemahan-kelemahan ini, apa peranan, bagaimana kita boleh dapat rakyat jelata menghormati kita.

Sudah banyak kali peristiwa-peristiwa berlaku di mana kepercayaan rakyat terhadap Parlimen adalah terjejas dan saya harap bahawa tujuan murni, tujuan baik kita untuk kemukakan Usul ini dan cadangan-cadangan yang saya kemukakan boleh diterima.

Sungguhpun saya rasa sangat kesal bahawa dalam satu perkara yang melibatkan perkara kewangan, pihak Kementerian Kewangan atau pihak Jabatan Perdana Menteri tak ada seorang yang mahu membuat ulasan. Saya rasa ini satu contoh tidak ada tanggungjawab, satu contoh yang menunjukkan pihak Kerajaan tidak menganggap laporan, tugas, peranan PAC yang serius. Tetapi saya haraplah bahawa cadangan-cadangan yang ada dikemukakan dalam perbahasan, kemudian boleh dapat perhatian yang berat oleh kerana kita bincang bukan mengenai kedudukan parti-parti tetapi bagaimana, institusi Parlimen kita, PAC Parlimen kita boleh jadi satu badan yang lebih efektif, yang boleh dapat keyakinan dan kepercayaan rakyat jelata. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan, Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu berbunyi:

Bahawa Dewan ini melahirkan rasa kesalnya bahawa laporan penuh Jawatankuasa Kira-kira

Wang Negara Dewan Rakyat yang Kelima berkenaan Kira-kira Kerajaan Persekutuan tahun 1977 hanya dibentangkan pada 15hb Oktober, 1985;

Memerhatikan lanjutnya bahawa Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Dewan Rakyat yang Keenam belum pernah membentangkan satu laporan penuh pun bersama . dengan minit perjalanan mesyuarat kepada Dewan Rakyat;

Memutuskan untuk menerima laporan penuh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Dewan Rakyat yang Kelima berkenaan Kira-kira Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1977; tetapi

Mengarahkan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Dewan Rakyat yang Keenam supaya menyiapkan serta membentangkan semua laporannya berkenaan Kira-kira Kerajaan Persekutuan tahun 1978 dan selepasnya kepada Dewan Rakyat ini kerana sekiranya tidak, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara akan hilang ertinya

sekiranya laporan-laporannya hanya siap untuk Dewan Rakyat yang Ketujuh.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui. (*Tepuk*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana tidak ada lain-lain perkara di dalam Aturan Mesyuarat . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah ini bererti usul dan laporan ditolak oleh Dewan? (*Disampuk*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya harap masing-masing mengambil keputusan masing-masing. (*Ketawa*). Mengambil fahaman masing-masing tetapi janganlah dibuat di dalam Majlis ini tempat hendak bertelagah tiap-tiap perkara itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab tidak ada perkara-perkara yang lain di dalam Aturan Urusan Mesyuarat, maka Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang besok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.50 petang.*